

**PELANCONGAN WARISAN DI TERRAPURI HERITAGE VILLAGE: TINJAUAN
TERHADAP IMPAK EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT**

Oleh

NUR QURRATU' AIN BINTI RAZI

UNIVERSITI

MALAYSIA

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2023



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**PELANCONGAN WARISAN DI TERRAPURI HERITAGE VILLAGE: TINJAUAN
TERHADAP IMPAK EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT**

Oleh

NUR QURRATU' AIN BINTI RAZI

cLaporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- | | | |
|-------------------------------------|----------------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh) |
| <input type="checkbox"/> | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
Dari tarikh _____ hingga _____ |
| <input type="checkbox"/> | SULIT | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)* |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)* |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuatsalinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



.....

Tarikh: 16 Februari 2023

Tandatangan Penyelia



FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg Berkunci No. 01
16300 Bachok, Kelantan.

.....

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota: *Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama suratdaripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

- OPEN ACCESS** I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)
- EMBARGOES** I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.
Date from _____ until _____
- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organization where research was done)*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.


Signature



.....

Date: 16 Februari 2023

Signature of Supervisor



FARRAH ATIKAH BINTI SAARI
Pensyarah
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan
Universiti Malaysia Kelantan
Beg. Berkunci No: 01
16300 Bachok, Kelantan.

.....

Date: 16 February 2023

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmannirahim,

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana di atas limpah dan kurniaNya, maka dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini dengan sempurna walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan ketika melengkapkan tugas penyelidikan ini.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Farrah Atikah Binti Saari, selaku penyelia projek penyelidikan di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan telah banyak membantu dalam penghasilan penulisan kajian ini.

Disamping itu, ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang dikasihi, Encik Razi Bin Ghazali dan Puan Asanah Binti Abu Samah yang menjadi tonggak utama serta sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, dan doa yang berterusan sehingga projek penyelidikan dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Tanpa mereka, tidak mungkin saya akan mampu ke tahap ini dan sesungguhnya segala pengorbanan yang dilakukan oleh kalian amat saya sanjungi.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang memberi dorongan dan semangat dalam menyempurnakan penulisan kajian ini. Terima kasih juga kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan ketika projek penyelidikan ini dijalankan.

PELANCONGAN WARISAN DI TERRAPURI HERITAGE VILLAGE: TINJAUAN TERHADAP IMPAK EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT

ABSTRAK

Terengganu merupakan salah satu negeri yang menawarkan pelancongan yang berasaskan warisan sama ada dari segi budaya tradisi masyarakat mahupun lokasi pelancongan itu sendiri telah menarik para pelancong yang meminati warisan ini untuk datang. Jumlah peningkatan pelancong ke negeri Terengganu ini juga telah menyumbang kepada peluang pekerjaan, pendapatan dan peluang perniagaan lebih lebih lagi kepada masyarakat setempat. Kajian ini tertumpu di salah satu kawasan pelancongan yang terkenal di Terengganu iaitu *Terrapuri Heritage Village*. Kajian ini untuk menimbulkan kepentingan pelancongan berteraskan warisan dimata masyarakat lebih lebih lagi pelancongan luar bandar. Walaupun telah banyak kawasan pelancongan yang telah diangkat martabatnya, namun masih ramai masyarakat yang masih kurang pengetahuan tentang nilai warisan dan tidak memuliharanya dengan betul. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai lokasi pelancongan warisan serta mengkaji impak ekonomi terhadap masyarakat setempat. Pemeliharaan lokasi pelancongan ini amatlah penting agar nilai warisan dapat terus dipelihara serta menjadi modal utama untuk meningkatkan industri pelancong negeri Terengganu.

Kata Kunci: *Budaya, pelancongan warisan, pemeliharaan, pemuliharaan, warisan, rumah tradisional*

HERITAGE TOURISM IN TERRAPURI HERITAGE VILLAGE: AN OVERVIEW OF
THE ECONOMIC IMPACT OF LOCAL COMMUNITIES

ABSTRACT

Terengganu is one of the states that offers heritage -based tourism either in terms of traditional culture of the community or the location of tourism itself has attracted tourists who are interested in this heritage to come. The increase in the number of tourists to the state of Terengganu has also contributed to employment opportunities, income and business opportunities even more to the local community. This study focuses on one of the famous tourist areas in Terengganu, namely Terrapuri Heritage Village. This study is to raise the importance of heritage -based tourism in the eyes of the community even more rural tourism. Although many tourist areas have been elevated, there are still many people who still lack knowledge about the value of heritage and do not preserve it properly. The objective of this study is to discuss the special features of Terrapuri Heritage Village as a heritage tourism location as well as to study the economic impact on the local community. The preservation of this tourist location is very important so that the heritage value can continue to be preserved and become the main capital to increase the tourism industry in Terengganu.

Keywords: Culture, heritage tourism, preservation, conservation, heritage, traditional houses

Isi Kandungan

	Halaman
Perakuan Tesis	i
Thesis Declaration	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
Abstract	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	xi
Bab 1 Pendahuluan	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Permasalahan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	9
1.5 Persoalan Kajian	9
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Batasan Kajian	10
1.8 Kepentingan Kajian	11
1.9 Definisi Termonologi	13
1.9.1 Pelancongan	13
1.9.2 Pelancongan Warisan	13
1.9.3 Warisan	14
1.9.4 Rumah Klasik	14
1.10 Penutup	15

1.11 Bab 2 Kajian Literatur	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Lokasi Kajian	18
2.3 Keistimewaan Terrapuri Heritage Village	22
2.3.1 Sejarah Terrapuri Heritage Village	24
2.3.2 Reka Bentuk Rumah Klasik Terrapuri Heritage Village	25
2.3.3 Sejarah Dan Jenis Rumah Klasik	26
2.4 Pelancongan Warisan	28
2.5 Impak Pelancongan Warisan Terhadap Komuniti Setempat Dari Segi Ekonomi	30
2.6 Penutup	32
Bab 3 Metodologi Kajian	
3.1 Pengenalan	33
3.1.1 Pendekatan Kualitatif	34
3.1.2 Pendekatan Kuantitatif	35
3.2 Rekabentuk Kajian	36
3.3 Prosedur Pungutan Data	38
3.3.1 Langkah Pengumpulan Data	39
3.4 Instrumen Kajian	40
3.5 Kaedah Analisis Data	40
3.6 Penutup	44

Bab 4 Dapatan Kajian

4.1 Pengenalan	45
4.2 Analisis Demografi Responden	46
4.3 Dapatan 1: Keistimewaan Terrapuri Heritage Village Sebagai Pelancongan Warisan	51
4.4 Dapatan 2: Tahap Pengetahuan Masyarakat Setempat Terhadap Pelancongan Warisan	56
4.5 Dapatan 3: Pelancongan Warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu Terhadap Impak Ekonomi Komuniti Masyarakat Setempat	67
4.6 Penutup	78

Bab 5 Perbincangan, Cadangan Dan Kesimpulan

5.1 Pengenalan	79
5.2 Perbincangan Mengenai Keistimewaan Terrapuri Heritage Village Sebagai Pelancongan Warisan	80
5.3 Perbincangan Mengenai Tahap Pengetahuan Masyarakat Setempat Terhadap Pelancongan Warisan	87
5.4 Perbincangan Mengenai Pelancongan Warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu Terhadap Impak Ekonomi Komuniti Masyarakat Setempat	89
5.5 Cadangan	91
5.6 Kesimpulan	93
5.7 Penutup	93
Rujukan	94
Lampiran	99

Senarai Rajah

No		Halaman
1.1	Rumah- Rumah Klasik yang dijadikan pusat pelancongan Warisan	3
1.2	Temubual Mr. Alex Bersama HD Exclusive	6
2.1	Lokasi Kajian Di Terengganu	17
2.2	Lokasi Terrapuri Heritage Village Di Kampung Mangkuk, Setiu	18
2.3	Terrapuri Heritage Village di Kampung Mangkuk, Setiu	19
2.4	Permandangan Terrapuri, Kampung Mangkuk, Terengganu	24
3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	39
4.1	Responden Mengikut Jantina	47
4.2	Responden Mengikut Umur	48
4.3	Responden Mengikut Bangsa	49
4.4	Responden Mengikut Pekerjaan	50
4.5	Loceng yang berada di hadapan pintu masuk Terrapuri Heritage Village	51
4.6	Antara peralatan membajak yang digunakan pada masa dahulu yang dijadikan	52
4.7	Temu bual bersama Puan Zai yang merupakan Senior Pengurusan Terrapuri Heritage Village	53
4.8	Antara makanan yang dihidangkan kepada para pelancong	54
4.9	Para pelancong ke kolam ikan untuk memberi ikan makan	55
4.10	Taburan Responden Mengikut Skala	56
4.11	Taburan Responden Mengikut Skala	57
4.12	Taburan Responden Mengikut Skala	58
4.13	Taburan Responden Mengikut Skala	59
4.14	Taburan Responden Mengikut Skala	60

4.15	Taburan Responden Mengikut Skala	61
4.16	Taburan Responden Mengikut Skala	62
4.17	Taburan Responden Mengikut Skala	63
4.18	Taburan Responden Mengikut Skala	64
4.19	Taburan Responden Mengikut Skala	65
4.20	Taburan Responden Mengikut Skala	67
4.21	Taburan Responden Mengikut Skala	68
4.22	Taburan Responden Mengikut Skala	69
4.23	Taburan Responden Mengikut Skala	70
4.24	Taburan Responden Mengikut Skala	71
4.25	Taburan Responden Mengikut Skala	72
4.26	Taburan Responden Mengikut Skala	73
4.27	Taburan Responden Mengikut Skala	74
4.28	Taburan Responden Mengikut Skala	75
4.29	Taburan Responden Mengikut Skala	76
5.1	Salah Satu Nama Rumah Yang Terdapat Di Terrapuri Heritage Village	80
5.2	3 Kain Yang Berlainan Warna Berada di Bawah Atap Rumah Bujang	93
5.3	Responden Mengikut Bangsa	95
5.4	Tebuk Tembus Dan Tembuk Timbul	96
5.5	Dinding Pelupoh yang mempunyai Awan Larat yang terbentuk daripada anyaman buluh	97
5.6	Peniaga Gerai Makanan Di Sekitar Kampung Penarik	99

Senarai Jadual

No		Halaman
3.1	Kaedah Penyelidikan yang diaplikasikan dalam kajian	35
3.2	Skala Likert 5 Aras	45



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelancongan merupakan industri terbesar yang giat berkembang kini dan menjadi penyumbang kepada peningkatan jumlah kedatangan pelancong. Pelancongan ini bukan sahaja berkembang di kawasan bandar, malah turut berkembang di kawasan luar bandar. Walaupun destinasi pelancongan lain telah banyak dibangunkan, namun pelancongan di luar bandar masih lagi menjadi tumpuan para pelancong bukan hanya dari pelancong antarabangsa malah pelancong domestik itu sendiri. Pelancongan di kawasan luar bandar khususnya pelancongan warisan sememangnya semakin diminati oleh pelancong yang ingin mengenali budaya tradisi suatu masyarakat dan juga sejarah tapak warisan yang mempunyai keunikan tersendiri.

Pelancongan warisan berpotensi menjadi salah satu pelancongan yang mampu berkembang sehingga ke peringkat antarabangsa. Menurut Timothy & Boyd (2015); Sue (1995), jejak warisan kian mendapat perhatian daripada masyarakat yang meminati budaya warisan. Dengan adanya lokasi pelancongan berteraskan warisan membolehkan pelancong untuk mengunjungi dan memahami warisan budaya di suatu kawasan tersebut.

Menurut Jabatan Warisan Negara (2016), warisan asli negara perlu dikekalkan agar ianya dapat dipelihara dan diturunkan kepada generasi baru. Pihak yang bertanggungjawab ini telah memulakan Pelan Pengurusan Konservasi iaitu salah satu usaha untuk melindungi ketulenan semua warisan ketara dan tidak ketara ini. Usaha ini untuk menyimpan segala data warisan negara walaupun ianya telah bercampur atau berasimilasi dengan budaya dan tempat lain. Tambahan pula, seni bina suatu bangunan warisan sememangnya mengalami adaptasi dari zaman ke zaman serta mempunyai pelbagai pengaruh luar, namun dengan adanya pelan ini, ketulenan seni bina bangunan warisan masih lagi dapat terjaga.

Menurut Piagam Burra The ICOMOS Charter of the Conservation of Places of Cultural Significance with Associated Guidelines and Code on the Ethics of Co-existence (ICOMOS, 1999), menyatakan memulihara semula bangunan warisan merupakan proses yang penting untuk mengekalkan kebudayaan dan keaslian suatu kawasan tersebut. Proses ini merangkumi pembinaan semula serta adaptasi, restorasi dan pemulihan. Begitu juga keadaan di Terrapuri Heritage Village, dimana pemilik pusat pelancongan tersebut telah berusaha untuk mengumpulkan semula dan memulihara rumah-rumah klasik yang terdapat di Terengganu. Keunikan reka bentuk setiap rumah-rumah klasik ini jelas memaparkan tentang sejarah dan nilai warisan yang sukar dicari ganti. Bukan itu sahaja, pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village ini juga telah menjalankan proses restorasi secara berterusan untuk memastikan jangka hayat rumah tersebut dapat dipanjangkan. Hal ini sepertimana yang diketengahkan oleh Earl (2003) dan Burden (2004) dimana pemuliharaan suatu bangunan warisan ini adalah pengurusan sesebuah bangunan daripada terabai, teraniaya, musnah dan reput. Dalam proses pemuliharaan ini juga memerlukan kerja-kerja merekod sejarah bangunan serta mengenal pasti tindakan yang perlu dilakukan.

Dalam konteks negeri Terengganu, industri pelancongan merupakan sektor terpenting bagi negeri ini selepas industri minyak dan gas yang menyumbang lebih 85 peratus pendapatan negeri. Walaubagaimanapun, kejatuhan harga minyak di pasaran dunia memberi kesan kepada pembangunan negeri dan sehubungan daripada permasalahan tersebut, industri pelancongan perlu bergerak pembangunan ekonomi dengan lebih mapan untuk mengambil peluang bagi menjana pendapatan yang lebih. Subsektor utama dalam konteks pelancongan di negeri Terengganu ini ialah Pelancongan warisan dan kebudayaan. Hal ini jelas kerana terdapat elemen-elemen warisan di kawasan yang menjadi tarikan pelancong. Dengan memilih negeri Terengganu sebagai kawasan penyelidikan, dapatlah pengkaji melihat tahap pengetahuan, pendekatan elemen warisan dan impak pelancongan ini dalam bidang ekonomi kepada masyarakat tempatan di Terengganu.



Rajah 1.1: Rumah-Rumah Klasik yang dijadikan pusat pelancongan warisan

(Sumber: Laman Web Pelancongan – Tripadvisor)

(https://www.tripadvisor.co.uk/LocationPhotoDirectLink-g3567216-d2176161-i90324139-Terrapuri_Heritage_Village-Pantai_Penarik_Terengganu.html)

1.2 Latar Belakang Kajian

Latar belakang kajian ini adalah berkenaan pelancongan warisan yang tertumpu di Terrapuri Heritage Village, Terengganu. Menurut Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat, menyatakan bahawa pelancongan warisan merupakan pelancongan yang menggabungkan perjalanan mengunjungi destinasi yang berteraskan warisan. Melalui pelancongan ini, pengkaji dapat menikmati keindahan khazanah warisan yang telah diwarisi daripada generasi terdahulu sama ada dalam bentuk artifak, kesenian, bangunan, kebudayaan dan alam semula jadi.

Menurut Yang Berhormat Awang Haji Ramli Bin Haji Lahit (2016), menjelaskan bahawa sektor pelancongan kini telah banyak menjana ekonomi negara kerana ianya telah meningkatkan sumber hasil pertukaran asing serta dapat mempromosikan produk di negara sekaligus menjana peluang pekerjaan sama ada untuk masyarakat luar mahupun masyarakat setempat. Menurut ucapan beliau lagi dalam Mesyuarat Pertama dari Permesyuaratan Ke-12, menyatakan bahawa melalui pelancongan warisan ini, kesenian dan kebudayaan dapat diangkat tinggi serta dapat memperkenalkan sejarah dan tempat lagenda kepada masyarakat luar.

Dari segi impak pelancongan warisan ini, dapat dikaitkan dengan peningkatan ekonomi setempat. Melalui hal ini pendapatan yang diperolehi hasil daripada pelancongan telah mengubah taraf hidup, keselamatan dan kestabilan sosial masyarakat setempat. Hal ini menjadikan masyarakat mempunyai jadi diri dalam memelihara warisan negara dan berkebolehan untuk lebih berdikari bagi menampung kehidupan. Secara tidak langsung menunjukkan pelancongan di negara ini berapa pada tahap yang stabil dan baik.

Dalam kajian ini, pengurusan konservasi ini akan memfokuskan seni bina bangunan lama di Terrapuri Heritage Village di Terengganu. Terrapuri Heritage Village ini merupakan perkampungan rumah klasik Terengganu yang diubah suai semula menjadi sebuah pusat pelancongan. Perkampungan klasik ini merupakan sebahagian daripada projek pemeliharaan dan pemuliharaan rumah Melayu klasik yang amat berharga memandangkan bangunan klasik lama yang semakin kurang mendapat sambutan serta ditelan zaman. Menurut Mr. Alex Lee Yun Ping, CEO Terrapuri Heritage Village, disebabkan oleh minat dan semangatnya terhadap warisan lama, perkampungan rumah klasik telah mengambil masa selama 18 tahun untuk mengumpul dan membangunkan tempat ini. Berdasarkan kajian sejarah oleh beliau, rumah asli Melayu yang telah berusia ratusan tahun ini adalah berlandaskan kitab lama Tajul Muluk. Kitab Tajul Muluk yang dimaksudkan adalah naskah kuno yang berasal dari Tanah Arab dan dibawa masuk ke Aceh oleh pedagang Parsi dan Turki sekitar abad ke-16. Dalam kitab tersebut ada memperihalkan panduan pembinaan rumah serta menyentuh berkenaan arah rumah, saiz, tapak, tiang, serambi dan tarikh yang bersesuaian. Ini menunjukkan, masyarakat terdahulu mementingkan reka bentuk dan kesan kepada penghuninya. Bukan itu sahaja, Terrapuri turut dikenali sebagai “Land Of Palaces”. Terrapuri pula membawa maksud dimana “Terra” adalah tanah dalam bahasa Latin & “Puri” pula membawa maksud istana dalam bahasa Sanskrit. Justeru, tidak hairanlah bahawa senibina rumah ini turut diilhamkan dari Istana Terengganu pada abad ke-17.

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN

Terrapuri Heritage Village ini turut menempatkan 29 jenis rumah klasik dan mempunyai nama tersendiri berdasarkan rumah tersebut. Kombinasi kayu yang digunakan iaitu kayu Cengal dan Kayu Penaga menjadikan rumah ini kekal kukuh sehingga kini walaupun ia dikatakan tidak menggunakan sebarang paku. Dalam temubual yang dijalankan bersama Mr. Alex bersama HD Exclusive ada menyatakan perbincangan terhadap usaha untuk mempertingkatkan perlancongan ke Terengganu bukan sahaja dari dalam negara, malah ke ke luar negara. Mr. Alex yang juga merupakan Ketua Pegawai Eksekutif turut diperluaskan usahanya melalui syarikat penerbangan ke pengkalan antarabangsa. Kini, Terrapuri Heritage Village mempunyai vila, spa, restoran, galeri dan kawasan pantai yang indah sesuai dengan suasana perkampungan.



Rajah 1.2: Temubual Mr,Alex Bersama HD Exclusive

(Sumber Video Youtube : <https://youtu.be/OIHDIQ6RAaU>)

1.3 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian didefinisikan sebagai masalah atau isu yang timbul menyebabkan pengkaji berupaya untuk menyelesaikan serta menjalankan kajian itu. Kaedah yang dilaksanakan dengan melalui permulaan yang sukar turut membawa pengaruh yang besar dalam dunia penyelidikan (John Dewey, 1910).

Berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dilaksanakan, terdapat beberapa masalah yang perlu dikemukakan dalam kajian ini. Pengkaji mendapati kekurangan sumber maklumat dan pendedahan terhadap pendokumentasian rumah klasik yang terdapat di pihak Terrapuri Heritage Village sebagai kajian terbaru mahupun rujukan. Perkampungan rumah klasik ini dikenali sebagai Terrapuri Heritage Village yang terletak di luar bandar di hulu Terengganu dan melalui hal ini, dapat dibuktikan melalui rekod pendokumentasian yang dijalankan adalah sedikit mengakibatkan bangunan berharga ini kurang diketahui ramai. Kawasan pelancongan seperti ini sepatutnya dikenali ramai lebih lagi ia telah diuruskan dengan baik untuk memartabatkan semula senibina warisan. Mr. Alex Lee Yun Ping (2019), turut menyatakan bahawa ketika dalam proses pembaikpulih semula rumah-rumah tradisional ini, masih banyak maklumat yang belum diketahui dan beliau perlu bertanya kepada masyarakat kampung berkenaan sejarah mahupun reka bentuk yang terdapat pada rumah-rumah tradisional itu. Selain itu, usaha pemeliharaan turut penting kerana kemusnahan rumah-rumah ini, turut menyebabkan kehilangan sumber data primer kepada pengkaji akan datang. Menurut Zulkifli (2012), dalam melaksanakan kajian berkenaan rumah tradisional Melayu, setiap data kajian mengenai rumah tradisional Melayu perlu diperolehi daripada fizikal rumah tradisional itu sendiri. Penulisan mengenai rumah tradisional ini penting dilakukan sementara data utama dan primer mengenai rumah tradisional masih lagi boleh ditemui.

Kurangnya kesedaran dalam diri pemilik atau masyarakat setempat yang turut menjadikan bangunan warisan tidak dipelihara dan dipulihara dengan sebaiknya. Menurut Pengarah Muzium Malaysia (JMM), Datuk Kamarul Baharin A. Kassim menyatakan memulihara monumen tinggalan khususnya binaan bersejarah atau rumah-rumah warisan bukan hanya tergalas di bahu kerajaan sahaja malah, turut terletak kepada pemilik atau waris pemilik asal monumen tersebut. Hal ini turut menjadi permasalahan apabila waris tidak mahu menyerahkan penjagaan yang sepenuhnya kepada pihak kerajaan. Perkara ini turut menjadikan sudut pandang orang ramai menjadi negatif kepada pihak muzium kerana menganggap sengaja menjadikan bangunan itu terbiar sedangkan ianya berpunca daripada mentaliti masyarakat itu sendiri yang tidak mahu bertanggungjawab. Penjelasan ini sesuai dengan kenyataan oleh Hamilton dan Zuraini (2002), bahawa masyarakat kini kurang prihatin terhadap pemuliharaan bangunan warisan.

Permasalahan lain yang lazim dikaitkan dengan seni bina tradisional ini ialah rumah tradisional Melayu dianggap rumah untuk golongan yang berstatus rendah. Menurut Lim Jee Yuam (1987), menyatakan bahawa punca keadaan ini berlaku kerana pengaruh pembangunan gaya barat dalam kalangan masyarakat di negara kita. Persepsi ini mendorong masyarakat untuk tidak mengendahkan nilai rumah tradisional Melayu itu sendiri. Sebahagian daripada mereka turut cenderung memilih untuk mengubah suai rumah tradisional Melayu sedia ada mengikut cara moden, manakala sebahagian mereka hanya membiarkan rumah tradisional Melayu terbiar tanpa penyelenggaraan.

1.4 Objektif Kajian

Bagi mencapai matlamat utama dalam kajian ini, sebanyak tiga objektif kajian telah dibentuk.

Berikut merupakan antara objektif di dalam kajian ini:

1. Membincangkan keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan.
2. Mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan.
3. Menganalisis pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu terhadap impak ekonomi komuniti masyarakat setempat

1.5 Persoalan Kajian

Di dalam kajian ini, beberapa persoalan telah dinyatakan bagi mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian. Beberapa persoalan kajian yang telah diusulkan iaitu:

1. Apakah keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan?
2. Sejauhmanakah tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan?
3. Apakah impak pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu terhadap komuniti setempat dari segi ekonomi?

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini dilaksanakan untuk memastikan kajian dilaksanakan dengan lebih teliti dan terperinci. Melalui skop kajian ini, pengkaji dapat memfokuskan maklumat yang diperlukan berkaitan dengan pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village yang terletak di Penarik, 22120 Kampung Penarik, Terengganu. Bukan itu sahaja, perkara ini turut merujuk kepada objektif kajian yang akan dilaksanakan iaitu memfokuskan kepada tahap pengetahuan masyarakat setempat tentang pelancongan warisan. Selain itu, skop kajian ini turut ditumpukan terhadap keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pusat pelancongan warisan. Di samping itu, impak pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu terhadap komuniti setempat dari segi ekonomi juga turut menjadi salah satu skop kajian yang perlu dititik beratkan.

1.7 Batasan Kajian

Terdapat batasan kajian atau limitasi dalam kajian ini. Batasan kajian yang pertama ialah pengkaji hanya memfokuskan segala maklumat tentang pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village. Batasan kajian yang seterusnya ialah menggunakan instrumen borang soal selidik yang diedarkan kepada responden hanya terdiri daripada masyarakat setempat di 3 buah kampung terdekat iaitu Kampung Mangkuk, Penarik dan Baru Penarik. Hal ini menyebabkan bilangan responden mempunyai had dan tidak terbuka kepada seluruh masyarakat Terengganu. Tambahan lagi, batasan kajian ini ialah had masa serta pengangkutan yang diperlukan ke lokasi kajian. Hal ini memerlukan perancangan yang komprehensif bagi memastikan tugas yang dijalankan adalah lancar.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini menitik beratkan kepentingan yang akan diberikan kepada orang ramai sama ada individu, masyarakat dan juga institusi pendidikan serta memastikan kelestarian Terrapuri Heritage Village tidak diabaikan.

1.8.1 Individu

Berdasarkan kepentingan terhadap individu, kajian ini dilaksanakan untuk memberikan pendedahan kepada umum tentang pemeliharaan bangunan warisan. Bukan itu sahaja, melalui kajian ini, dapat memberi inspirasi kepada individu untuk melibatkan diri dalam projek pemuliharaan dan pemeliharaan produk warisan di dalam negara.

1.8.2 Masyarakat

Berdasarkan kepentingan kajian ini terhadap masyarakat, kajian ini dapat memberi kesedaran dan komitmen untuk melestarikan bangunan warisan. Bukan itu sahaja, jangka hayat bangunan sejarah juga dapat dipanjangkan sekiranya masyarakat tidak lagi memandang remeh terhadap kesenian dan kepakaran pembinaan seni bina warisan ini.

1.8.3 Institusi Pendidikan

Kajian ini dapat memberi manfaat dalam jangka yang panjang kerana melalui pendokumentasian serta menjadi sumber rujukan untuk menjalankan penyelidikan kepada generasi akan datang. Bukan itu sahaja, ia turut dapat digunakan dalam pembelajaran bagi kumpulan professional dan juga pelajar dalam bidang konservasi.

1.8.4 Sektor Pelancongan

Melalui pelaksanaan projek ini, lokasi kajian dapat dijadikan destinasi pelancongan yang dapat menarik lebih ramai pelancong domestik. Peningkatan kedatangan pelancong ini turut membuka peluang pekerjaan serta menjana pendapatan peniaga yang terlibat dengan Industri Kecil Sederhana (IKS).

1.8.5 Negera

Kajian ini membantu pihak kerajaan dan konservator negara mengkaji lebih banyak bangunan warisan yang belum disenaraikan dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005. Pemuliharaan dan pemeliharaan rumah warisan ini memberi manfaat kepada negara kerana dapat merungkai lebih banyak sejarah yang kemungkinan tidak diketahui oleh mana-mana pihak. Hal ini sekaligus meningkatkan koleksi warisan negara untuk tatapan generasi dulu, kini dan akan datang.

1.9 Definisi Termonologi

1.9.1 Pelancongan

Pelancongan secara umumnya ditakrifkan sebagai satu perjalanan yang melibatkan individu atau sekumpulan yang pergi ke satu destinasi dari satu destinasi untuk melawat atau mengembara. Pelancongan ini akan dilakukan atas urusan individu tersebut sama ada untuk melihat keindahan alam atau sekadar menjalankan urusan perniagaan. Menurut Chris Cooper *et al.* (1993), pelancongan merangkumi semua sama ada pelancongan perniagaan, pelancongan kesihatan, pelancongan sukan dan sebagainya. Ia tidak hanya bertujuan untuk menikmati keseronokan mahupun hiburan.

1.9.2 Pelancongan Warisan

Pelancongan Warisan adalah pelancongan yang berteraskan sejarah dan berkaitan dengan kebudayaan bagi suatu negara tersebut. Ia melibatkan pergerakan pelancong ke suatu destinasi atau kawasan yang mempunyai sejarah lampau. Dalam konteks lain, pelancongan ini akan melihat segala khazanah warisan sama ada dalam bentuk sejarah, kesenian mahupun alam semulajadi. Menurut Swarbrooke (1994) menyatakan warisan merupakan tunjang utama dalam pelancongan warisan dan menawarkan produk warisan bagi menarik kedatangan pelancong atau pelawat.

1.9.3 Warisan

Warisan merupakan objek atau pusaka tinggalan nenek moyang terdahulu yang diturunkan kepada generasi kini. Warisan menurut World Heritage termasuklah tapak tapak arkeologi yang mempunyai nilai sejagat dan diberi pengiktirafan berdasarkan pemilihan dan pencalonan bergantung atas faktor konsep warisan kebangsaan. Menurut Nuryanti (1996), warisan dianggap sesuatu yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Dalam konteks lain, warisan mempunyai nilai tersendiri dan terdapat dalam bentuk material dan bukan material seperti peninggalan sejarah, bangunan, objek hasil seni dan ia turut melibatkan kebudayaan contohnya adat, tradisi dan perayaan.

1.9.4 Rumah Klasik

Rumah klasik atau turut dikenali sebagai rumah tradisional merupakan bangunan yang mempunyai struktur, cara pembuatan, bentuk serta ragam hias yang memiliki nilai tersendiri. Kebanyakan rumah tradisional terdahulu dibina oleh tukang mahir dan dibantu oleh penduduk tempatan dan diwarisi turun-temurun. Selain itu, ia turut dikenali sebagai rumah adat yang digunakan bagi kegiatan masyarakat terdahulu untuk berkumpul. Senibina rumah klasik ini turut mengikut kemahiran dan kehalusan seni tukang mahir tersebut. Menurut Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiulfuad Yahya (2005:7) menyatakan seni bina Melayu merupakan bidang seni yang memerlukan kemahiran tinggi, daya kreativiti dan kerajinan luar biasa disamping daya pengamatan yang tajam dan terperinci.

1.10 Penutup

Kesimpulannya, melalui penerangan dalam bab 1 ini, jelas menunjukkan tujuan yang akan dilaksanakan dalam kajian ini iaitu Pelancongan Terrapuri di Terrapuri Heritage Village, Terengganu: Tinjauan terhadap impak ekonomi masyarakat setempat. Objektif kajian yang dibina adalah untuk memastikan kajian ini terus fokus dan mencapai matlamat bagi menjawab segala persoalan yang terdapat dalam permasalahan kajian

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan kajian literatur mengenai tajuk kajian ini. Kajian literatur ini merujuk kepada sumbangan yang terlibat sama ada dalam bentuk data, tingkah laku individu atau suatu masyarakat atau situasi yang berkaitan dalam menjalankan penyelidikan tersebut (R.Kumar ,2011). Melalui kajian ini, permasalahan kajian yang dihadapi melalui kajian-kajian lepas dapat diketahui dan ditambahbaik secara bermaklumat dalam kajian baru yang dilakukan oleh pengkaji. Dalam sorotan kajian ini, pengkaji turut menganalisis kajian-kajian lepas yang mempunyai hubungkait dengan skop kajian yang dipilih. Melalui sorotan kajian ini juga, pengkaji dapat menilai dengan lebih jelas tentang skop kajian, metodologi kajian dan dapatan kajian daripada bahan penyelidikan yang lepas. Hal ini penting kerana ia membantu pengkaji mencari permasalahan serta menyumbang idea dalam menjalankan penyelidikan.

Berdasarkan laporan penyelidikan tahunan yang dijalankan pada 2013 menyatakan *The World Travel and Tourism Council* (WTTC) yang dijalankan hasil bersama *Oxford Economics, Travel and Tourism's* mendedahkan bahawa industri pelancongan telah menyumbang sebanyak 9.5% daripada jumlah GDP dunia (USD 7 trillion). Hal ini dapat disesuaikan dengan tajuk pilihan pengkaji iaitu “Pelancongan Warisan Di Terrapuri Heritage Village: Tinjauan Terhadap Impak Ekonomi Masyarakat Setempat”. Hal ini perlu diberi penekanan kerana pelancongan berasaskan warisan sememangnya salah satu potensi pelancongan yang sesuai di Malaysia.

Menurut Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC), pelancongan warisan di Malaysia adalah pelancongan yang berpotensi tinggi dan mendapat sambutan ramai kerana terdapat banyak bangunan serta tugu yang menjadi bukti penjajahan masa lampau dan pelancongan ini akan memberi pengalaman yang luar biasa kepada para pelancongan. Bukan itu sahaja, penyediaan pemahaman yang mendalam berkenaan sejarah negara turut tidak diabaikan dan ini membantu pelancong untuk mengenali sejarah Malaysia. Penyediaan maklumat yang banyak ini turut membantu para pelajar serta penyelidik untuk digunakan dalam Pendidikan mahupun kajian. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan oleh “*The Student and Youth Travel Research Consortium*” bahawa pelancongan remaja dan pelajar kini dianggap sebagai pasaran yang tinggi dan pesat kerana pelancongan remaja dan pelajar kini bukan lagi bertujuan untuk bekerja atau melawat kawan dan saudara.

Menurut Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia, Dato Sri Nancy Shukri (2021) menyatakan produk warisan yang dihasilkan oleh masyarakat setempat mempunyai nilai warisan budaya yang mampu menarik lebih ramai pelancong serta memberi peluang kepada rakyat untuk menjana pendapatan. Hal ini menjadi kepentingan semua kerana warisan budaya sememangnya menjadi sumber dan inspirasi kehidupan yang tidak dapat ditukarganti.

2.2 Lokasi Kajian




Rajah 2.1: Lokasi Kajian di Terengganu

(Sumber Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu)

(<https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/kerajaan/mengenai-terengganu/geografi-negeri-terengganu>)

Negeri Terengganu Darul Iman merupakan salah sebuah negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Negeri yang kaya dengan khazanah alam semula jadi ini berada di tengah antara dua negeri iaitu Kelantan dan Pahang. Menurut Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Terengganu (JUPEM), negeri Terengganu mempunyai keluasan 13,035 km² bersamaan 1,295,638.3 hektar. Jalur pantainya pula menganjur sejauh 225 kilometer dari utara iaitu bersempadan dengan Kelantan kearah selatan iaitu bersempadan dengan Pahang. Antara daerah di Terengganu adalah Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Marang, Hulu Terengganu, dan Besut.



Rajah 2.2: Lokasi Terrapuri Heritage Village di Kampung Mangkuk, Setiu,
Terengganu

(Sumber: Laman Web Rasmi Terrapuri)

<https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/kerajaan/mengenai-terengganu/geografi-negeri-terengganu>

Berkaitan dengan tajuk pengkaji, kajian mengenai pelancongan warisan sememangnya telah terkenal di Terengganu. Walaupun sedemikian, kajian pelancongan warisan ini telah disesifikan di Terrapuri Heritage Village kerana penyelidikan berkenaan tajuk ini masih kurang dilaksanakan dan kurang mendapat sambutan ramai. Terrapuri Heritage Village atau Terrapuri Resort ini terletak di Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu. Setiu merupakan salah satu daerah di Terengganu yang bersempadan dengan Besut di bahagian utara, manakala bersempadan dengan Hulu Terengganu di bahagian selatan dan Kuala Nerus di bahagian timur. Setiu merupakan daerah kedua termuda dan mempunyai penduduk yang paling sedikit berbanding daerah lain.

Sejarah daerah Setiu itu sendiri telah menarik minat pengkaji untuk mengenali pusat pelancongan yang terdapat di kawasan tersebut. Menurut sejarah, nama setiu berasal daripada seorang Pahlawan Bugis yang dikenali sebagai Tok Setiu. Nama Setiu dipilih apabila Tok Setiu diarahkan oleh Baginda Sultan Ahmad II untuk mencari sebuah kawasan yang sesuai bagi dijadikan kawasan perkampungan. Dengan persetujuan Baginda Sultan, perkampungan tersebut dinamakan sebagai Kampung Bukit Tok Setiu dan beliau dilantik sebagai Ketua Kampung. Ketika dibawah pimpinan beliau, beliau telah meninggalkan banyak jasa antaranya membuat tandak-tandak sungai bagi memudahkan pengaliran air ke bahagian sungai seterusnya disalurkan ke kawasan sawah-sawah. Kemasyuran nama Tok Setiu ini telah mendorong kampung ini dinamakan sebagai Setiu sehingga kini walaupun Tok Setiu telah lama meninggal dunia.

Berdasarkan Data Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2010, keluasan daerah Setiu iaitu 1,295,757.6 ini mampu menempatkan sebanyak 65,900 orang penduduk yang dipecahkan kepada 7 daerah. Menurut Data Asas Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu 2017, Setiu yang sememangnya meluas dengan kemajuan ekonomi dari segi perikanan, malah turut terkenal dengan kemajuan dari seg pertanian, pembangunan, lain-lain industri dan juga sebagai kawasan pelancongan. Hal ini dapat diperhatikan melalui data kajian, bilangan pusat penginapan yang disediakan adalah lebih banyak berbanding kawasan pelancongan luar bandar yang lain. Bukan itu sahaja, daerah setiu yang sememangnya terkenal dengan keindahan permandangan pantai yang tenang ini turut disesuaikan dengan kawasan perkampungan Terrapuri tersebut yang dapat menarik lebih ramai pelancong sama ada dari luar mahupun tempatan.



Rajah 2.3: Terrapuri Heritage Village di Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu

(Sumber: Malaysia Holiday Architects)

Dalam penyelidikan ini, pengkaji telah memilih sebuah lokasi pelancongan yang kaya dengan nilai warisan tersendiri iaitu Terrapuri Heritage Village yang terletak di Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu. Pengkaji turut mendapati pembangunan pesat di kawasan bandar telah menenggelamkan nilai sentimental berkaitan warisan dalam diri setiap individu. Oleh hal yang sedemikian banyak memberi impak kepada para pelancong untuk menjalankan percutian ke kawasan perkampungan yang lebih tenang dan jauh dari kesibukkan di bandar. Perjalanan selama 6 jam ini pasti menggamit kenangan sambil menikmati keindahan permandangan tepi laut.

Pemilihan lokasi kajian ini sebagai pusat pelancongan warisan adalah sesuai kerana Terengganu sememangnya kaya dengan pelbagai tradisi dan warisan yang mampu menjamu deria para pelancong. Menurut Jabatan Pelancongan Negeri Terengganu (2015), Terengganu mempunyai personaliti budaya yang berbeza dan dikurniakan dengan pelbagai kesenian tradisi, budaya dan warisan. Pelancong yang datang pasti dapat merasai pengalaman yang berbeza dari segi cara kehidupan di Pantai Timur Malaysia.

2.3 Keistimewaan Terrapuri Heritage Village

Kesedaran dalam pemilihan ke suatu destinasi pelancongan adalah perlu demi mendapatkan keselesaan sepanjang perjalanan atau percutian tersebut contohnya kemudahan dari segi penginapan, lokasi yang menjadi tarikan, kemudahsampaian, infrastruktur yang disediakan dan perkhidmatan pelancongan yang profesional. Menurut Norizawati et al (2014), pihak bertanggungjawab yang menawarkan perkhidmatan pelancongan perlu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang sesuai dengan keperluan dan kehendak para pelancong.

Umum mengetahui, Malaysia sebuah negara yang menawarkan pelancongan warisan kepada para pelancong kerana negara ini sememangnya kaya nilai warisannya, sama ada dalam bentuk ketara mahupun tidak ketara. Hasil penulisan akhbar dari Sinar Harian yang bertajuk Rumah tradisional usia ratusan tahun tarikan di Terengganu telah menjadi tarikan kepada pengkaji untuk mengenali dengan lebih mendalam berkenaan lokasi pelancongan tersebut.

Rumah tradisional yang menjadi keistimewaan di Terengganu ini terletak di Terrapuri Heritage Village, Kampung Mangkuk, Setiu, Terengganu. Senibina rumah tradisional Melayu ini telah mendorong seorang usahawan yang dikenali sebagai Alex Lee Yun Ping, 52 tahun untuk mengumpul dan menghimpunkan kesemua rumah tradisional yang terdapat di sekitar Terengganu. Beliau yang turut merupakan CEO Terrapuri Resorts ini sememangnya mempunyai minat yang mendalam terhadap senibina warisan lama dan bercita-cita mengangkat semula bangunan klasik yang kurang mendapat sambutan kini. Menurut temubual yang dijalankan bersama HD Exclusive pada 2015 membincangkan hasrat Encik Alex Lee Yun Ping dalam meningkatkan pelancongan ke Terengganu. Berikutan kenyataan dalam rakaman tersebut, walaupun Terrapuri Resort bukanlah suatu lokasi pelancongan yang terkenal namun, beliau telah mempunyai rancangan untuk meningkatkan jumlah kedatangan pelancong yang bukan sahaja dari dalam negara malah pelancong dari antarabangsa.

Beliau yang bukan sahaja merupakan CEO Terrapuri Resort, malah Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengendali pelancongan di Terengganu turut membincangkan tentang rangkaian dalam sektor pelancongan yang dilakukan oleh pihak kerajaan sedikit sebanyak membantu pihak pengurusan pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong. Dalam rakaman tersebut, beliau juga sempat menerangkan keistimewaan yang dapat dinikmati oleh para pelancong sekiranya menginap di Terrapuri Resort.

Lokasi Terrapuri Heritage Village ini juga unik kerana berada di tengah antara Laut China Selatan dan sungai paya bakau, Setiu Wetland. Keindahan alam yang memikat hati pelancong ditambah lagi dengan keindahan pulau pulau seperti Pulau Perhentian, Lang Tengah, Pulau Bonjol, Redang dan Pulau Rodong. Kenyataan diatas disokong oleh Zbignew (1995), iaitu pelancongan merupakan sektor ekonomi yang menawarkan produk paling bernilai iaitu alam semula jadi. Khazanah semula jadi dan warisan merupakan asat yang tidak ternilai harganya. Secara umumnya, kontesks ini menerangkan pelancongan yang melibatkan pengalaman seperti berjalan kaki menikmati permandangan atau pelancongan yang berbentuk pengembaraan sehinggalah pelancongan yang berbentuk pemerhatian sambil menikmati pemandangan di pantai.



Rajah 2.4: Permandangan Terrapuri di Kampung Mangkuk, Terengganu

(Sumber:Laman Web Rasmi Terrapuri- (<https://www.terrapuri.com/>))

2.3.1 Sejarah Terrapuri Heritage Village

Sejarah Terrapuri Heritage Village ini bermula apabila Encik Alex Lee Yun Ping mempunyai idea dan impian untuk mengumpul rumah warisan sejak awal tahun 90-an lagi. Semangat beliau untuk menjelajah ke seluruh semenanjung Malaysia terutama Terengganu untuk mendapatkan maklumat serta kediaman klasik yang boleh dibeli dan dibaik pulih membuahkan hasil sehingga kini. Perkampungan ini mengambil masa selama 18 tahun untuk dikumpulkan dan dibangunkan. Keistimewaan rumah klasik ini semakin terserlah apabila dikatakan diilhamkan dari era kerajaan Langkasuka. Bukan itu sahaja, senibina klasik ini turut berlandaskan kitab Tajul Muluk. Menurut Mohd. Nazaruddin Yusoff et.al (2004), penggunaan kitab Melayu lama iaitu Tajul Muluk yang digunakan sebelum membina sebuah rumah adalah perlu bagi masyarakat dahulu untuk memastikan kawasan berkenaan bersih daripada makhluk halus dan sekiranya sesuai, tiang seri perlu dinaikkan dahulu serta mengikut kedudukan kiblat oleh penghuni atau ketua rumah tersebut. Hal ini menunjukkan masyarakat terdahulu berpegang teguh dengan ajaran agama serta mengkaitkan keadaan sekeliling dengan kepercayaan adat resam.

Penggunaan nama dalam Terrapuri juga membawa dua perkataan dan maksud yang berbeza. Perkataan “Terra” membawa maksud tanah dalam Bahasa Latin, manakala perkataan “puri” pula membawa maksud istana dalam Bahasa Sanskrit. Malah Terrapuri ini turut dikenali sebagai “*Land Of Palaces*” kerana bersesuaian dengan susun atur rumah klasik kerajaan Melayu yang telah hilang pada abad ke-17 ketika pemerintahan Sultan Mansur Shah II dengan pengaruh daripada zaman abad ke-2 hingga abad ke-16.

2.3.2 Reka Bentuk Rumah Di Terrapuri Heritage Village

Pemuliharaan seni bina rumah klasik yang telah wujud sejak beribu tahun yang lalu sememangnya banyak memberi manfaat khususnya bagi bidang pendidikan mahupun penyelidikan. Cara ini turut memberi bukti kewujudan rumah tradisi masyarakat Melayu terdahulu kepada masyarakat kini yang kian ditenggelami arus kemodenan. Menurut Said (2004), rumah tradisional dahulu dibangunkan oleh penduduk tempatan mengikut tradisi yang diamalkan oleh masyarakat pada ketika itu tanpa mengikut apa apa perubahan. Rumah tradisional ini turut dikenali sebagai rumah adat atau rumah asli atau rumah rakyat.

Rumah-rumah klasik dan istana ini masih mengekalkan keaslian rumah tradisional Melayu kerana kesemuanya dibina tanpa menggunakan paku. Rumah-rumah tersebut masih menggunakan kaedah pasak dan tanggam yang mudah dibuka dan dipasang serta mudah dibaikpulih semula. Kombinasi kayu yang digunakan ialah kayu Cengal dan kayu Penaga yang menjadikan dia tetap kukuh walaupun telah beribu tahun lamanya dibiarkan. Kayu Penaga digunakan sebagai pasak manakala kayu Cengal sesuai digunakan dalam pembinaan rumah, bot dan jambatan kerana ketahanannya daripada serangan serangga seperti anai-anai.

Untuk memastikan rumah tersebut terus dipelihara, pihak pengurusan Terrapuri telah mengambil inisiatif dengan menjalankan proses restorasi secara berterusan. Bukan itu sahaja, pada awal pembaikpulih kesemua rumah tersebut, khidmat 50 orang tukang kayu mahir diperlukan bagi mengendalikan kerja-kerja pemuliharaan terutama dalam menukarkan bahagian kayu yang bermasalah kepada kayu yang baru. Kenyataan tersebut disokong oleh Ahmad (2004) menyatakan pengetahuan mengenai kayu adalah penting didalam kerja pemuliharaan terutama didalam menukar elemen kayu bermasalah kepada kayu baru. Ianya penting bagi menggantikan kayu dari jenis kumpulan yang mempunyai kekuatan dan dari spesis yang sama.

2.3.3 Rumah Klasik Di Terrapuri Heritage Village

Rumah klasik yang ditempatkan di Terrapuri Heritage Village mempunyai keunikan tersendiri dan mempunyai nama nama yang berbeza sesuai dengan kegunaan dan pemilik asalnya. Terrapuri Heritage Village memiliki 29 jenis buah rumah klasik yang telah dipelihara dan dikumpul dikawasan tersebut namun 22 rumah sahaja yang digunakan untuk penginapan manakala selebihnya digunakan sebagai bilik bacaan, ruang makan, lobi dan sebagainya. Walaubagaimanapun, hanya 15 buah villa sahaja yang dibuka kini sebagai rumah penginapan kerana rumah lain masih dalam proses pemuliharaan.

Antara rumah yang terdapat di dalam Terrapuri Heritage Village ialah Rumah Kedai Buluh. Rumah ini merupakan milik seorang pendekar terdahulu yang bernama Abu Bakar dan ia dibina oleh beberapa orang tukang bersama anak buah silatnya sendiri. Rumah kedua ialah Rumah Tembakang yang dikatakan milik seorang guru agama, ketua kampung dan juga bangsawan suatu masa dahulu dan dipercayai dibina pada kurun ke-19. Rumah ketiga ialah Rumah Palong yang dimiliki oleh seorang pengusaha tenunan songket tertemuka bagi bangsawan bangsawan Terengganu dan dikenali sebagai Mek Long. Rumah ini dihiasi dengan pencetak songket yang dapat dilihat oleh pelancong apabila masuk ke dalam rumah tersebut. Rumah ke empat ialah Rumah Binjai Rendah. Rumah ini pula dimiliki oleh seorang wanita yang menjual kain-kain di seluruh kampung pada kurun ke-19 yang bernama Mariam. Seterusnya rumah Belukar Titian iaitu rumah pengusaha manisan daripada kelapa serta tukang dalam anyaman daun mengkuang bagi membuat tikar atau barang hiasan. Beliau dikenali sebagai Mat Zin dan dibantu oleh anak perempuannya dalam perniagaannya.

Rumah seterusnya ialah Rumah Tasek yang dibina pada abad ke-19 oleh seorang saudagar perahu besar dan telah dibeli oleh seorang penghulu bernama Ali Bin Ghani. Rumah Dusun pulak telah didirikan oleh seorang saudagar perahu besar dan dibeli oleh seorang tok guru agama iaitu Ustaz Abdul Rahman Harun bersama isterinya. Rumah seterusnya ialah Rumah Jeram yang dimiliki oleh Katib Ali Mat yang juga seorang guru agama di bahagian Jeram dan beliau merupakan seorang yang disegani kerana memiliki ramai penuntut. Rumah seterusnya ialah Rumah Sg. Mas yang dibina oleh tukang kayu tersohor iaitu Ayah Ngah Kot dan dibeli oleh pengusaha tanaman ubi yang bernama Haji Salleh. Rumah Pulang Musang pula dibina bagi tempat pembelajaran agama dan pusat mengaji Al-Quran. Rumah ini dibina oleh guru agama bersama penduduk kampung pada abad ke 19. Sekiranya diteliti, rumah tersebut di telah diukir kalimah ayat suci Al-Quran pada bahagian dinding atas rumah. Rumah Seberang Takir pula pada asalnya dimiliki oleh Ismail atau dikenali sebagai Pak Wei dari seorang saudagar. Rumah ini pada mulanya berada di Kampung Binjai Rendah dan telah dipindahkan ke Sungai Seberang Takir.

Sementara itu, Rumah Gelugor Raja pula dimiliki oleh seorang guru mengaji dan guru agama yang memiliki pengusahaan kuih tradisi Terengganu yang bernama Tok Lijah Yusof. Rumah Pengkala Kubu pula dibina pada tahun 1908 iaitu bersamaam 1326H oleh seorang Ketua Kampung Kubu yang bernama Awang Yusof. Manakala Rumah Kubang Jela pula dibeli oleh Haji Omar Bin Ismail daripada saudagar batik dan songket Terengganu iaitu Che Mat Che Lek. Rumah terakhir pula ialah Rumah Nibong yang merupakan rumah seorang bangsawan Melayu Terengganu dan diwarisi pula kepada Haji Abdullah Said iaitu Ketua Kampung pada tahun 1888. Rumah ini sememangnya asli dan hanya dipulihara semula. Menurut pendapat oleh Hanafi (1995), kehalusan seni tukang-tukang yang membina bangunan menggunakan bahan utama iaitu kayu telah melahirkan pelbagai bentuk bangunan yang unik.

2.4 Pengetahuan Mengenai Pelancongan Warisan

Istilah warisan menurut WHC, 1996 merujuk kepada tanda aras, asas rujukan dan identiti kita sendiri. Dalam kenyataan tersebut menyatakan bahawa tempat bersejarah, bangunan serta artifak peninggalan sejarah yang telah dipulihara dan dipelihara dapat membantu pembangunan pelancongan. Usaha dalam memastikan sejarah yang dipulihara dapat dijadikan produk dalam kumpulan pelancongan warisan adalah usaha yang berpotensi tinggi kerana ia mampu menjana pendapatan negara.

Sektor pelancongan sememangnya telah berkembang seiring dengan kemajuan sains dan teknologi. Industri pelancongan di Malaysia juga seiring dengan arus kemajuan dan kadar kedatangan pelancong juga mengalami peningkatan yang agak ketara. Hal ini dinyatakan dalam Lembaga Pelancongan Malaysia (2017) menyatakan kadar pelancongan domestik Malaysia merekodkan pencapaian tertinggi iaitu seramai 25.95 juta pelawat domestik dan perbelanjaan pelancongan domestik kekal direkodkan dengan dua digit iaitu 11.1%. Melalui data sedemikian, Malaysia sememangnya sebuah negara yang mempunyai pelbagai potensi yang mampu meningkatkan pembangunan sektor pelancongan lebih-lebih lagi pelancongan yang berteraskan warisan kerana mempunyai bukti dan kawasan bersejarah yang kekal sehingga kini.

Menurut Ardika, 2012 menerangkan bahawa pelancongan warisan yang ditawarkan perlulah diuruskan dengan profesional, berterusan dan lestari agar dapat memberi daya tarikan yang akan berterusan serta mampu memberi kesan positif kepada para pelancong, masyarakat dan negara. Hal ini kerana ia bukan sahaja menjadi pendorong untuk membangunkan sektor ekonomi negara, malah dapat memupuk rasa cinta akan tanah air dan mempunyai jati diri demi memelihara budaya bangsa.

Menurut Ko dan Stewart (2002) menyatakan industri pelancongan ini telah membuka peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Dari segi pelancongan yang berteraskan warisan, ia adalah pelancongan yang meluas dan mendapat perhatian yang lebih. Hal ini kerana pelancongan warisan mampu memberi kesedaran kepada para pelancong serta komuniti tempatan untuk mengekalkan sejarah negara. Dari segi menjana pendapatan pula, pelancongan warisan yang dijalankan pula adalah meluas, contohnya perniagaan produk warisan, lawatan sambil belajar dan pusat pemeliharaan produk warisan.

Menurut Goeldner dan McIntosh (2006), pelancongan boleh ditakrifkan sebagai salah satu sains, seni dan urusan yang berkaitan dengan pelawat serta menyediakan kemudahan pengangkutan dan penginapan, seterusnya melayan keperluan dan kehendak. Pelancongan ini kebiasaannya melibatkan individu atau sekumpulan yang akan melawat ke sesuatu tempat khusus untuk menikmati keindahan kawasan berkenaan. Dalam konteks ini juga menerangkan pelancongan turut melibatkan seseorang yang keluar dari tempat kediaman dengan tujuan tersendiri sebagai contoh untuk menjalankan perniagaan mahupun melanjutkan pelajaran. Jelas menunjukkan pelancong akan mencari kawasan pelancong yang menenangkan dan menyediakan banyak kemudahan. Terrapuri Heritage Village jelas memaparkan kawasan pelancongan yang mempunyai keunikan tersendiri serta mempunyai nilai warisan yang sukar dicari ganti. Kawasan percutian yang mempunyai spa, penginapan serta restoran yang memberi kemudahan kepada para pelancong untuk bercuti sambil menikmati keindahan kawasan tersebut.

2.5 Impak Pelancongan Warisan Terhadap Komuniti Setempat Dari Segi Ekonomi

Secara umumnya, pelancongan merupakan industri yang semakin berkembang dan perkara ini banyak memberi impak positif kepada negara contohnya galakan pelaburan serta pembangunan infrastruktur yang lebih dalam bidang pelancongan. Menurut penulisan akhbar dari Berita Harian (2015), sektor pelancongan telah menjadi penyumbang keenam terbesar kepada ekonomi negara dengan jumlah RM161 bilion atau 14.9 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) pada tahun 2014. Perkembangan ini turut bergantung atas kegiatan pelancongan yang dilaksanakan oleh pelancong ke suatu destinasi sama ada untuk mengalami pengalaman yang berbeza atau mengenali lebih banyak tentang budaya atau warisan negeri lain. Malaysia merupakan sebuah negara yang membangunkan kawasan-kawasan bersejarah dan menawarkan pelancongan warisan kepada pelancong, oleh itu tidak hairan bahawa tarikan besar bagi suatu pelancongan adalah untuk melawat ke kawasan bersejarah. Hal ini turut dinyatakan dalam kenyataan oleh Zurick (1992:614) iaitu kedatangan pelancong khususnya pelancong asing adalah ingin mengetahui keaslian dan ketepatan suatu warisan sejarah bagi suatu negara. Ini menunjukkan pelancong warisan merupakan pelancong yang penting untuk dibahaskan. Menurut MacCannel (1992:1) menyatakan *“tourism is not just an aggregate of merely commercial activities; it is also an ideological framing of history, nature and tradition; a framing that has the power to reshape culture and nature to its own needs”*.

Sejarah sebagai produk pelancongan warisan merupakan usaha yang berpotensi dalam Malaysia. Dengan mengangkat tinggi usaha dalam pelancongan warisan, ia dapat meningkatkan martabat warisan negara sama ada melalui interpretasi landskap budaya dan pemuliharaan serta pemeliharaan rupa bentuk warisan tersebut.

Melalui penyelidikan ini, pengkaji mendapati pembukaan Terrapuri Heritage Village sebagai salah satu destinasi yang mampu meningkatkan pelancongan warisan di Terengganu. Bahkan ia bukan sahaja dapat meningkatkan ekonomi negara, namun pendapatan ekonomi tempatan juga meningkat berlipat ganda. Hal ini dapat dilihat pada permulaan pembukaan Terrapuri Heritage Village dimana pihak pengurusan memerlukan tukang kayu tempatan yang ramai untuk menjalankan pemuliharaan semula rumah-rumah klasik. Hal ini telah membantu petukang kayu tempatan menjana pendapatan dan meningkatkan kemahiran tukang ini dalam pemuliharaan rumah klasik.

Jika dilihat dalam peningkatan sektor pelancongan ini, peningkatan pendapatan peniaga yang terlibat dalam Industri Kecil Sederhana (IKS) turut dipengaruhi oleh pelancongan warisan. Hal ini dibuktikan dalam penulisan akhbar Utusan Timur (2021) yang menyatakan keunikan kawasan Kampung Mangkuk dan Penarik yang masih mengekalkan identiti perkampungan tradisional telah disenarai pendek sebagai Kampung Pelancongan Terbaik negara. Dalam waktu yang sama, pelancongan warisan ini telah menjadi alat bagi mempromosikan produk warisan sama ada dari segi kepelbagaian seni, budaya dan warisan meliputi kraftangan dan ukiran-ukiran kayu dan makanan tradisi kampung. Dalam waktu yang sama, pembukaan peluang-peluang pekerjaan juga semakin meningkat dan ini turut meningkatkan berhijrah masyarakat ke suatu negeri.

Walaupun pelancongan warisan sememangnya meningkatkan sumber ekonomi negara, namun ia juga akan memberikan cabaran kepada masyarakat setempat. Akibat peningkatan kedatangan pelancong ini, ia mampu memberikan kesan negatif sekiranya tidak diuruskan dengan baik, serta tidak menyediakan infrastruktur dan kemudahan pelancongan yang lain. Apabila kedatangan pelancong meningkat maka akan terjadinya kesesakan lalu lintas, pembuangan sisa yang berlebihan dan lain-lain. Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab perlu menyeimbangkan peningkatan pelancong dan daya tampung kawasan pelancongann tersebut.

2.6 Penutup

Secara umumnya, pelancongan warisan yang ditawarkan di Terrapuri Heritage Village mampu memulihara senibina rumah klasik disamping meningkatkan ekonomi masyarakat setempat. Walaupun pembangunan kian pesat di kawasan bandar, namun masyarakat masih lagi memilih untuk melancong ke kawasan perkampungan untuk mencari ketenangan atau untuk menjalankan penyelidikan berkenaan warisan.

Malaysia adalah negara yang memiliki keunikan budaya yang tersendiri kerana memiliki kepelbagaian budaya. Hal yang sedemikian menyebabkan ia mampu menarik kedatangan pelancong sama ada dari dalam mahupun luar negara. Apabila dilihat dari sudut produk pelancongan, produk budaya yang ditawarkan di Malaysia juga sangat beragam dan berpotensi tinggi. (Cauto,2013)

Sepertimana kenyataan yang diberikan oleh Abdullah (2013), pembangunan di kawasan pelancongan budaya mampu mengekalkan warisan budaya di kawasan tersebut. Meskipun begitu, manfaat daripada pembangunan pelancongan yang mempunyai nilai-nilai pemuliharaan aset budaya ini masih belum dilaksanakan dengan baik. Oleh yang demikian, satu perancangan yang sistematik diperlukan bagi memastikan warisan budaya yang ditawarkan ini berfungsi dengan lebih optimum dalam pemahaman masyarakat.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi dalam kajian penyelidikan yang dilaksanakan merupakan proses bagi pengumpulan data berkenaan dengan tinjauan yang berkaitan dengan kajian. Dalam konteks ini, ia merangkumi beberapa cara iaitu meliputi pendekatan kajian, rekabentuk kajian, pengumpulan data, persampelan, instrument kajian, analisis data serta kesimpulan. Menurut Ahmad Mazlan Ayob, 1985:19, menyatakan kaedah yang dilaksanakan ini dapat membuktikan berkenaan objektif atau penyelidikan dalam menjalankan suatu kajian yang hendak dicapai. Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka Edisi Keempat menyatakan definisi metodologi ialah satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin.

3.0.1 Pendekatan Kualitatif

Penyelidikan kualitatif didefinisikan sebagai kajian yang memerlukan pemerhatian yang lebih teliti. Menurut Hamzah, 2010 menyatakan dalam kajian yang menggunakan teknik ini, bilangan responden yang diperlukan adalah tidak banyak tetapi maklumat yang diperolehi mestilah berkualiti dan lebih tertumpu kepada sampel kecil yang diambil dalam suatu kajian.

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif bagi melaksanakan kajian berkaitan tajuk kajian pengkaji iaitu “Pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village: Tinjauan terhadap impak ekonomi masyarakat setempat. Kaedah ini bersesuaian dengan kajian pengkaji kerana ia bersifat bebas dan observasi yang dilakukan adalah secara semulajadi. Cara ini juga lebih mementingkan realiti yang akan bersifat dinamik dalam penyelidikan. Untuk memastikan maklumat yang diperolehi daripada kajian lapangan, pengkaji akan mendapatkan data kualitatif ini dalam bentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Menurut Taylor dan Bogdan (1984), menyatakan data kualitatif adalah berbentuk deskriptif, berupa kata-kata lisan atau tulisan tentang tingkah laku manusia yang dapat diamati. Berdasarkan kenyataan tersebut, pengkaji menggunakan kaedah menemu bual kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan maklumat berkaitan pelancongan warisan yang dilaksanakan ini memberi impak dalam sektor ekonomi kepada mereka. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat memahami dengan lebih terperinci dan merujuk setiap maklumat yang diperolehi dengan pihak yang lebih pakar. Kenyataan ini disokong dalam kenyataan Patton (1990), kutipan langsung dari kenyataan orang-orang berkenaan pengalaman, sikap, keyakinan dan pemikiran mereka dalam kajian memberi kesempatan untuk menghuraikan data dengan lebih mendalam.

Menurut Patton (1990), data yang diperolehi daripada hasil pemerhatian dapat dihuraian dengan lebih terperinci tentang situasi, kejadian, interaksi dan tingkah laku yang diperhatikan di kawasan lapangan kajian. Hal yang sedemikian, pengkaji dapat menggunakan kaedah pemerhatian dengan melibatkan diri di kawasan lapangan bersama masyarakat setempat dan melakukan tinjauan untuk melihat tahap pengetahuan penduduk berkaitan pelancongan warisan yang ditawarkan di kawasan tersebut.

Kaedah analisis yang dilaksanakan oleh pengkaji merupakan kaedah pengumpulan data daripada bahan kajian atau bahan rujukan. Menurut Patton (1990), bahan bertulis yang turut digunakan untuk mengumpulkan maklumat ialah dari petikan atau keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman berkenaan maklumat dan kes sejarah. Hal yang sedemikian dapat memastikan pengkaji mempunyai maklumat yang disokong dan membantu pengkaji menambahbaik data yang terkumpul.

3.0.2 Pendekatan Kuantitatif

Pendekatan melalui kaedah kuantitatif merupakan kajian yang melibatkan statistik. Dalam kajian ini memerlukan lebih ramai responden berbanding kaedah kualitatif kerana ia memerlukan sekurang-kurangnya 10 sampel bagi membolehkan pengkaji mengukur pembolehubah bagi suatu kajian yang dilaksanakan. Data-data yang diperolehi ini pula perlu diukur agar dapat dijadikan bahan bukti kebolehppercayaan serta dapat digunakan untuk menguji teori dan membina fakta. Menurut kenyataan oleh Chua (2011), kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif ini akan dilakukan dengan menjalankan kajian eksperimental dan data yang terkumpul akan dianalisis untuk mendapatkan statistik. Menurut Pinsonneault & Kraemer (1993); Sraub & Gefen (2005), menyatakan data yang diperolehi dapat menunjukkan kebolehppercayaan melalui kaedah kuantitatif ini.

3.2 Rekabentuk Kajian

Jadual 3.1: Kaedah Penyelidikan yang Diaplikasikan dalam Kajian

No	Objektif Kajian	Kaedah Kajian
1	Membincangkan keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan	Kaedah Temubual Dan Kaedah Perpustakaan (Analisis Dokumen) <ul style="list-style-type: none"> • Menemubual pihak pengurusan • Kajian Buku Rujukan
2	Mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan	Kaedah Tinjauan Menggunakan Instrumen Borang Soal Selidik <ul style="list-style-type: none"> • 380 set borang soal selidik menggunakan jadual populasi Krajae & Morgan (1970) • Diedarkan kepada penduduk kawasan kajian • Dibahagikan kepada 3 bahagian BHG A: Maklumat Diri/ Responden BHG B: Tahap Pengetahuan BHG C: Impak Ekonomi Kepada Komuniti Setempat
3	Menganalisis pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village terhadap impak ekonomi komuniti masyarakat setempat	

Rekabentuk kajian merupakan kaedah yang dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan di lapangan. Melalui rekabentuk kajian yang dipilih, pengkaji dapat melihat perbezaan pandangan melalui data yang diambil sama ada dari pihak responden mahupun daripada pengkaji lampau. Menurut Brymen (2008), menyatakan pandangan bahawa rekabentuk kajian merupakan cadangan atau kerangka yang akan digunakan bagi menganalisis data yang diperolehi bagi menemukan jawapan.

Rekabentuk kajian dan kaedah kajian yang dipilih ini adalah berdasarkan tujuan kajian tersebut dilaksanakan. Untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian, pengkaji telah mengaplikasikan dua pendekatan sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan dalam jadual diatas, pengkaji akan mendapatkan maklumat menggunakan data primer iaitu dari responden dan informan. Kaedah ini memerlukan temubual antara pengkaji dan responden serta tinjauan menggunakan borang soal selidik. Dalam konteks ini, kaedah temubual juga boleh dibahagikan kepada dua kaedah iaitu menemu ramah secara langsung dan secara tidak langsung.


Temu ramah juga dibahagikan kepada dua kategori iaitu secara mendalam dan melalui kumpulan fokus. Menemubual secara mendalam ini ialah perbincangan antara dua orang sahaja iaitu melibatkan pengkaji dan seorang responden sahaja manakala menemu ramah kumpulan fokus ini pula melibatkan sekumpulan orang responden dan seorang pengkaji. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat mengumpulkan maklumat dengan cepat dan efisien secara terus. Dalam waktu yang sama, hubungan yang baik turut terbina antara pengkaji dan responden supaya memudahkan pengkaji untuk berinteraksi dan menjalankan proses pengumpulan data di lokasi kajian. Bukan itu sahaja, pengedaran borang soal selidik kepada responden juga membantu pengkaji untuk memahami beberapa aspek yang dikaji bagi memenuhi objektif kajian.

Sumber sekunder juga digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data yang disokong dan boleh dijadikan bahan rujukan iaitu dengan menjalankan analisis dokumen. Data atau maklumat yang diperolehi daripada pengkaji lampau akan dikumpul dan masih relevan untuk digunakan bagi menjawab segala persoalan kajian. Cara ini membantu pengkaji sebagai bahan rujukan atau menambah baik pendapat yang ada serta menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini mahupun akan datang. Sebagai contoh data sekunder ialah daripada dokumen awam seperti surat khabar, arkib, laporan formal dan sebagainya.

3.3 Prosedur Pungutan Data

Dalam menjalankan suatu kajian, pengkaji akan meminta kebenaran bertulis terlebih dahulu sebelum menjalankan penyelidikan di lokasi kajian dengan pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village. Pengkaji juga akan melakukan kaedah pemerhatian dan tinjauan ke lokasi kajian terlebih dahulu sebelum mengedarkan borang soal selidik kepada masyarakat setempat. Hal ini penting untuk mengenalpasti responden yang sesuai untuk menjawab borang soal selidik tersebut. Pengkaji juga akan berinteraksi dan menerangkan berkaitan kajian yang dilaksanakan kepada responden terlebih dahulu supaya responden memahami penyelidikan yang dijalankan. Pengkaji akan memberi ruang kepada responden untuk menjawab soalan tersebut selama 15-20 minit dan membantu sekiranya perlu.

3.3.1 Langkah Pengumpulan Data



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan komponen bagi pengumpulan data berdasarkan maklum balas daripada responden yang menjawab soalan daripada pengkaji. Dalam konteks ini, instrumen kajian diperlukan untuk memahami konsep berkaitan sikap, persepsi masyarakat serta keterangan latar belakang berkaitan kajian sama ada dalam bentuk primer mahupun sekunder. Dalam kajian ini, instrument yang digunakan untuk mengumpul data dengan lebih terperinci iaitu dengan menggunakan borang soal selidik, temu bual dan menganalisis bahan rujukan.

3.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data merupakan proses penyelidikan setelah mendapat data yang telah dikumpulkan untuk menjawab segala persoalan kajian. Proses ini membantu pengkaji untuk menyusun data dengan lebih sistematik. Dalam kajian ini, analisis data dapat mengenalpasti nilai yang diperolehi daripada suatu penyelidikan itu. Bukan itu sahaja, data yang diperolehi dan dianalisis semula dapat membantu pengkaji menjalankan persampelan dengan lebih jelas.

3.5.1 Data Primer

Data primer merupakan data yang diperolehi daripada sumber asli atau sumber pertama. Kenyataan ini disokong oleh Syed Ismail (2010), bahawa sumber primer ialah penemuan baru, penyelidikan asal, dan merupakan maklumat asal berkenaan kajian. Sumber yang diperolehi ini adalah masih asli dan belum ditafsir secara rasmi sama ada dalam bentuk dokumen, catatan, laporan, warkah dan juga akhbar.

3.5.2 Data Sekunder

Sumber sekunder dinyatakan sebagai bahan rujukan atau bahan penulisan daripada pengkaji lampau. Data yang diperolehi ini turut bersandarkan sumber primer

yang diperolehi. Sumber sekunder ini penting untuk memberikan pandangan yang berbeza antara pengkaji terdahulu dan pengkaji kini. Menurut Nina Herlina (2020), sumber sekunder merupakan suatu sumber yang telah diolah dan ia ditulis apabila mendapat maklumat daripada sumber lain.

3.5.3 Analisis Dokumen

Analisis dokumen merupakan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada maklumat yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Hal ini banyak membantu pengkaji untuk mendapat maklumat yang relevan kepada isu dan masalah berkaitan kajian yang dijalankan. Dokumen merupakan sumber yang banyak memainkan peranan dalam kajian kerana ia telah sedia ada dan lebih sahih. Data lain yang turut digunakan oleh pengkaji ialah rekod audio dan visual yang menggambarkan peristiwa tersebut, laporan dan jurnal. Segala dokumen yang digunakan hendaklah di teliti terlebih dahulu serta disertakan salinan sekiranya perlu.

3.5.4 Kaedah Pemerhatian Dan Tinjauan

Kaedah pemerhatian ini merupakan kaedah untuk melihat dan merasai berkaitan kajian yang dijalankan. Kaedah pemerhatian ini dibahagikan kepada dua iaitu pemerhatian secara terus dan pemerhatian melalui penglibatan. Kaedah pemerhatian secara terus ini merupakan kaedah biasa dalam penyelidikan iaitu hanya memerhati secara jauh dan tidak melakukan apa-apa komunikasi. Kaedah pemerhatian melalui penglibatan ini pula akan melibatkan kehidupan manusia dimana pengkaji perlu melibatkan diri bersama masyarakat untuk merasai sendiri pengalaman dan menjawab segala persoalan kajian. Menurut Moleong (1989), pemerhatian membantu pengkaji untuk melihat, merasakan dan memaknai ragam peristiwa. Ia juga membentuk pengetahuan antara pengkaji dan juga responden yang terlibat. Dalam hal ini, pengkaji

akan menjalankan pemerhatian dan tinjauan di sekitar kawasan Terrapuri Heritage Village untuk melibat penglibatan masyarakat tempatan dalam pelancongan warisan dan keistimewaan kawasan pelancongan warisan tersebut.

3.5.5 Kaedah Temubual

Kaedah temubual ini digunakan untuk mengetahui keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pusat pelancongan warisan dan penglibatan masyarakat dalam sektor ekonomi. Kaedah ini berguna untuk memastikan pengkaji dapat berkomunikasi dan mendapatkan maklumat dari pihak Pengurusan Terrapuri Heritage Village, pemilik Terrapuri Heritage Village dan masyarakat setempat untuk mengetahui lebih banyak maklumat dan sejarah yang tersirat dibalik pembangunan pusat pelancongan ini.

3.5.5.1 Berstruktur

Kaedah temubual berstruktur ini merupakan temubual yang mempunyai soalan yang ingin dikemukakan dan telah dirancang serta diatur terlebih dahulu. Soalan yang digunakan pula adalah untuk memperoleh objektif dan matlamat yang dikehendaki berkaitan kajian. Pengkaji memilih untuk menemubual pemilik Terrapuri Heritage Village iaitu Mr Alex Lee Yun Ping.

3.5.6 Kaedah Catatan

Kaedah catatan merupakan kaedah yang melibatkan penulisan. Pengkaji perlu mencatat setiap maklumat yang diperolehi sama ada dilihat, dijumpai mahupun didengari. Melalui kaedah ini, pengkaji mempunyai data yang mudah untuk dirujuk kembali sekiranya memerlukan rujukan tambahan. Penggunaan buku catatan ini dapat membantu pengkaji untuk melihat sejauhmana proses sebelum, semasa dan selepas kajian dilaksanakan.

3.5.5 Kaedah Fotografi

Kaedah fotografi merujuk kepada pengambilan gambar ketika menjalankan pemerhatian. Pengkaji akan mengambil gambar di Terrapuri Heritage Village dan kawasan sekitar yang berkaitan. Hal ini membantu pengkaji untuk melihat sejauhmana keistimewaan Terrapuri Heritage Village dalam menarik kedatangan pelancong.

3.5.6 Kaedah Tinjauan Menggunakan Instrumen Borang Soal Selidik

Borang soal selidik disediakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkaitan objektif kajian kedua dan ketiga iaitu mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan dan menganalisis pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village terhadap impak ekonomi komuniti masyarakat setempat. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada 3 bahagian, bahagian A berkenaan data demografi tentang responden, bahagian B pula berkenaan tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan manakala bahagian C pula berkenaan menganalisis pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village terhadap impak ekonomi komuniti masyarakat setempat. Kajian ini akan menggunakan Skala Likert lima mata yang mempunyai lima aras seperti yang dinyatakan dibawah:

Jadual 3.2: Skala Likert 5 Aras

Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

3.6 Penutup

Secara keseluruhan, perbincangan yang diterangkan dalam bab 3 ini adalah untuk mengetahui kaedah yang akan digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Ia juga membantu pengkaji dalam mengumpulkan data dengan lebih mendalam. Segala prosedur yang dirancang juga memudahkan data dianalisis serta membantu penulisan pengkaji berkenaan dengan penyelidikan.

Dalam bab ini juga pengkaji menjelaskan reka bentuk kajian yang dipilih, instrumen kajian, prosedur pungutan data dan analisis data. Pemilihan rekabentuk kajian iaitu menggunakan sumber primer dan sumber sekunder merupakan kaedah yang lebih mudah dan sesuai dengan pengkaji untuk mendapatkan data secara mendalam.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan secara terperinci kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian mengenai pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village: Tinjauan Terhadap Impak Ekonomi Masyarakat Setempat. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif sebagai strategi pengumpulan data dan strategi analisis data sesuai dengan objektif kajian yang ditetapkan. Keseluruhan perbincangan mengenai dapatan kajian, data diperolehi melalui dua sumber iaitu sumber primer dan juga sumber sekunder. Penggunaan kaedah temubual berserta analisis data dokumen juga membantu pengkaji untuk mendapatkan data yang lebih mendalam mengenai pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village: Tinjauan Terhadap Impak Ekonomi Masyarakat Setempat.


4.2 Analisis Demografi Responden

Responden merupakan pihak yang memberi maklumat iaitu dengan menjawab soalan yang dikemukakan oleh pengkaji berkenaan kajian yang dijalankan. Untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci, penggunaan instrumen borang soal selidik digunakan sebagai salah satu strategi untuk memperolehi data dari responden. Tujuan borang soal selidik ini diedarkan untuk menjawab objektif kedua dan ketiga serta diedarkan di sekitar tiga kampung yang berhampiran Terrapuri Heritage Village dan tertumpu kepada pelancong tempatan dan penduduk setempat.

Borang soal selidik ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A merupakan dapatan data demografi responden, Bahagian B dan C pula adalah untuk menjawab objektif kedua dan ketiga iaitu mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan dan menganalisis pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu terhadap impak ekonomi komuniti masyarakat setempat.

Kaedah borang soal selidik ini memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat secara tepat berbanding kaedah lain yang agak kompleks. Sebanyak 130 borang soal selidik menggunakan instrumen Google Form telah dijawab oleh masyarakat sekitar Kampung Mangkuk, Kampung Penarik Baru dan Kampung Penarik. Kaedah ini juga lebih menjimatkan masa responden kerana ianya merupakan soalan yang ringkas dan padat. Masa yang digunakan oleh pengkaji untuk mengedarkan borang soal selidik ini adalah bermula 9.00 pagi sehingga 6 petang.

4.2.1 Responden Mengikut Jantina




Rajah 4.1: Jantina Responden

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji)

Rajah 4.1 di atas menunjukkan jumlah bilangan responden mengikut jantina iaitu seramai 378 orang yang terdiri daripada lelaki dan perempuan. Responden bagi lelaki ialah seramai 191 orang bersamaan 50.5%, manakala responden bagi perempuan ialah seramai 187 orang mewakili 49.5%. Kenyataan diatas menunjukkan majoriti responden lelaki adalah lebih ramai berbanding responden perempuan yang menjawab borang soal selidik ini. Hal ini dapat dibuktikan kerana kawasan perkampungan nelayan majoriti yang keluar bekerja adalah lelaki.

4.2.2 Umur Responden




Rajah 4.2: Umur Responden

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji)

Berdasarkan rajah 4.2 di atas menunjukkan kategori umur para responden yang telah menjawab borang soal selidik ini. Bilangan umur yang mendominasi ialah 21 hingga 30 tahun iaitu sebanyak 27.2% bersamaan 103 orang responden. Hal ini kerana terdapat golongan muda dan pelajar yang menjawab soal selidik ini. Manakala, bilangan responden yang berumur bawah 20 tahun ialah sebanyak 17.7% iaitu bersamaan 67 orang dan berumur 31 hingga 40 tahun adalah sebanyak 19% bersamaan 72 orang. Responden yang berumur 41 hingga 50 tahun pula adalah 21.7% iaitu seramai 82 orang dan terdapat 54 orang responden iaitu sebanyak 14.3% yang berumur lebih 50 tahun yang mengikuti soal selidik ini.

4.2.3 Kategori Bangsa Responden




Rajah 4.3: Kategori Bangsa Responden

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji)

Mengikut rajah 4.3, penyelidik telah mengenalpasti kategori bangsa melalui empat peringkat iaitu Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Responden bagi bangsa Melayu ialah seramai 240 orang iaitu mencatat sebanyak 63.5% daripada keseluruhan 378 orang responden. Pengkaji mendapati majoriti penduduk di perkampungan tersebut adalah berbangsa Malayu. Seterusnya ialah responden yang berbangsa India ialah seramai 62 orang bersamaan 16.4% manakala responden yang berbangsa Cina ialah seramai 33 orang bersamaan 8.7%. Terdapat juga bangsa lain yang mengikuti soal selidik ini iaitu seramai 22 orang sebanyak 5.8% yang merupakan Bumiputera Sarawak dan 21 orang sebanyak 5.6% yang merupakan Bumiputera Sabah. Bangsa lain yang menjawab soal selidik ini kebanyakannya merupakan pelajar, pekerja dan pelancong luar yang dating ke perkampungan ini.

4.2.4 Pekerjaan



Rajah 4.4: Pekerjaan

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji)

Rajah di atas menunjukkan status pekerjaan yang menjawab borang soal selidik ini. Seramai 103 orang yang bekerja sendiri mendominasi status pekerjaan ini iaitu bersamaan 27.2%. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat tempatan bekerja sendiri sama ada dalam sektor perikanan, sektor makanan dan juga penghasilan barangan seperti kraf. Manakala responden yang menyatakan pekerjaan mereka dalam sektor awam, iaitu seramai 57 orang bersamaan 15.1%. Bilangan responden yang bekerja dalam sektor swasta pula adalah sebanyak 20.6% iaitu seramai 78 orang. Seterusnya, bilangan responden yang berstatus pelajar pula adalah seramai 88 orang bersamaan 23.3%. Terdapat juga responden yang tidak bekerja iaitu seramai 52 orang bersamaan 13.8%.

4.3 Dapatan Kajian 1: Mengenai Keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan.

Dalam dapatan kajian bagi objektif pertama, pengkaji menggunakan kaedah temubual dan analisis data dokumen bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan sejarah, latar belakang dan reka bentuk rumah yang terdapat di Terrapuri. Tujuan temubual ini dijalankan supaya dapat melihat sejauhmanakah tindak balas responden terhadap soalan-soalan yang diberikan, rujukan dan pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji.

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan oleh pengkaji, melangkah sahaja ke kawasan perkampungan tersebut, pengkaji disambut oleh pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village dan lebih menakjubkan bagi pengkaji adalah kerana terdapat pintu gerbang kayu yang mempunyai ukiran berada di perantaraan antara pintu masuk dan juga kawasan rumah klasik. Terdapat juga loceng besar bertali yang terdapat di bahagian hadapan pintu masuk yang akan digunakan oleh pengunjung. Apabila loceng berbunyi, ia menunjukkan bahawa ada pelawat yang datang ke Terrapuri Heritage Village. Penggunaan loceng lama ini memberikan suasana seakan-akan berada di zaman lampau.



Rajah 4.5: Loceng yang berada di hadapan pintu masuk Terrapuri Heritage Village

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji pada 30 November 2022)

Hasil dapatan kajian mendapati terdapat 29 buah rumah klasik yang ditempatkan di Terrapuri Heritage Village dan rumah-rumah tersebut telah berusia lebih dari 250 tahun. 20 buah rumah yang terdapat di perkampungan itu merupakan rumah inap untuk para pelancong dan 6 buah rumah yang ditempatkan dibahagian tengah pula merupakan bilik mesyuarat, galeri, restoran, bilik bacaan, pejabat, dan kedai cenderamata. Manakala 3 buah rumah masih belum siap sepenuhnya dan tidak dibuka untuk lawatan. Bukan itu sahaja, terdapat juga rumah yang digunakan sebagai spa tradisional. Para pelancong berpeluang untuk merawat dan merehatkan diri dengan mandian bunga, mandian susu dan urutan badan menggunakan rempah ratus tradisional. Untuk menyerlahkan lagi suasana seperti berada di kawasan perkampungan lama, Terrapuri Heritage Village juga menempatkan barangan perhiasan dan peralatan lama yang dijadikan pameran dan diletakkan di bahagian galeri seperti batu lesung, alatan menenun dan alatan membajak. Hal ini membuktikan masyarakat dahulu bergiat aktif dalam bidang pertanian sebelum berubah kepada sektor perkhidmatan.



Rajah 4.6: Peralatan Membajak yang Digunakan pada Masa Dahulu yang Dijadikan Pameran di Terrapuri Heritage Village

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji Pada 30 November 2022)

Menurut pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village, hanya dikenali sebagai Puan Zai menyatakan bahawa keistimewaan senibina rumah di Terrapuri Heritage Village dapat dilihat pada bahagian atap rumah klasik tersebut. Menurut beliau, atap yang digunakan adalah jenis Singgora dan perbezaannya dapat dilihat daripada susunan atap tersebut. Susunan atap pada rumah di Terengganu seakan-akan sisik naga dan berbeza dengan susunan atap di Kelantan yang seakan-akan sisik ikan. Atap singgora ini diperbuat tanah liat dan dikatakan menjadi pilihan penduduk tempatan pada zaman dahulu kerana rekabentuknya yang lebih menarik dan ringan serta sesuai dengan struktur binaan rumah kayu. Bukan itu sahaja, atap singgora mempunyai kelebihan tersendiri iaitu mampu menyerap haba dan menjadikan suhu dalaman rumah lebih sejuk pada waktu siang. Dalam penjelasan beliau lagi, dikatakan pada bahagian bawah atap rumah terdapat 3 helai kain yang berbeza warna digunakan dan ia merupakan kepercayaan orang-orang terdahulu dalam pembinaan rumah. Kain tersebut mempunyai fungsi tersendiri sama ada dalam menjaga keselamatan rumah, mengukuhkan tiang rumah dan juga keharmonian dalam rumah tersebut.



Rajah 4.7: Temu bual bersama Puan Zai yang merupakan Senior Pengurusan Terrapuri Heritage Village

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji Pada 30 November 2022)

Berdasarkan pengumpulan data melalui laman web rasmi Terrapuri Heritage Village pula, dapat menyokong maklumat berkaitan keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pusat pelancongan warisan. Selain daripada reka bentuk rumah klasik yang unik serta suasana kampung yang penuh dengan sejarah lampau, Terrapuri Heritage Village juga menyediakan hidangan sajian tradisional Terengganu kepada para pelancong yang menginap. Antara lauk-pauk yang disediakan adalah seperti ikan singgang, ayam masak merah, telur dadar, kari udang, ikan masin dan ulam-ulaman seperti ulam raja. Terdapat juga kuih tradisional seperti sira labu, bingka labu dan butir angka. Bukan itu sahaja, terdapat juga pelbagai lauk-pauk tradisional yang lain.



Rajah 4.8: Antara makanan yang dihidangkan kepada para pelancong

(Sumber: Facebook Rasmi Terrapuri)

Dalam dapatan kajian pengkaji juga dapat diketahui bahawa Terrapuri Heritage Village juga mempunyai pakej pelancongan bagi memberi pengalaman kepada para pelancong merasai kehidupan di kampung. Antara pakej pelancongan yang disediakan ialah membawa para pelancong ke jeti nelayan untuk ke pulau pulau seperti Pulau Layat dan Pulau Telaga Tujuh. Aktiviti ke pulau ini hanya akan dilakukan pada waktu yang sesuai sahaja iaitu pada bulan April sehingga bulan Oktober. Hal ini kerana pada ketika itu, pulau berada dalam cuaca yang panas dan baik, sesuai untuk menjalankan sebarang aktiviti air. Antara bulan yang tidak sesuai pula adalah pada November sehingga bulan Mac kerana ketika itu pulau masih dalam proses pemuliharaan dan laut akan bergelora kuat. Antara aktiviti lain yang terdapat dalam pakej pelancongan ialah menjadi pengiring pelancong ke kolam ikan untuk memberi ikan makan, mengali kerang dan tiram dan aktiviti memancing. Bukan itu sahaja, pelancong juga dibawa ke kawasan perniagaan produk tempatan seperti keropok lekor. Tambahan, makanan untuk sarapan dan tengahari juga disediakan oleh pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village kepada para pelancong berdasarkan lokasi perjalanan yang telah ditetapkan.




Rajah 4.9: Para pelancong ke kolam ikan untuk memberi ikan makan

(Sumber: Facebook Rasmi Terrapuri)

4.4 Dapatan Kajian 2: Mengenai Tahap Pengetahuan Masyarakat Setempat Terhadap Pelancongan Warisan

Terdapat tiga kampung yang menjadi tumpuan pengkaji untuk mendapatkan maklumat berkenaan tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan. Antara kampung yang dipilih iaitu Kampung Mangkuk (1.6km), Kampung Penarik Baru (3.9km), dan Kampung Penarik (5.0km). Pengkaji melakukan pemerhatian dan mengedarkan borang soal selidik di sekitar kampung ini bagi melihat maklum balas penduduk setempat dan pengunjung. Pemerhatian juga dibuat ke atas perilaku masyarakat setempat dan pengunjung serta aktiviti yang dilakukan sepanjang mereka mengunjungi kawasan sekitar Terrapuri Heritage Village. Terdapat 10 soalan umum mengenai tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan yang perlu dijawab oleh responden.


4.4.1 Bahagian B: Adakah anda mengetahui kewujudan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan?



Rajah 4.10: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.10 diatas menunjukkan soalan pertama berkenaan pengetahuan responden mengenai kewujudan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan. Kenyataan di atas menunjukkan seramai 133 orang responden daripada 378 responden secara keseluruhan iaitu bersamaan 35.2% menyatakan “Ya” yang menunjukkan mereka mengetahui tentang kewujudan Terrapuri Heritage Village. Manakala seramai 108 orang responden bersamaan 28.6% menyatakan “Tidak” iaitu menyatakan tidak mengetahui tentang kewujudan Terrapuri Heritage Village dan terdapat 137 orang responden iaitu bersamaan 36.2% memilih “Tidak Pasti” iaitu menyatakan tidak pasti akan kewujudan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan. Hal ini membuktikan masih terdapat masyarakat yang tidak mengetahui terdapat tempat pelancongan warisan yang memulihara bangunan lama.


4.4.2 Bahagian B: Adakah anda mengetahui sejarah awal penubuhan Terrapuri Heritage Village?



Rajah 4.11: Taburan Responden Mengikut Skala

Rajah 4.11 menunjukkan soalan kedua berkenaan pengetahuan responden tentang sejarah awal penubuhan Terrapuri Heritage Village. Pembangunan seni bina moden telah menenggelamkan bangunan warisan seperti Terrapuri Heritage Village. Maka, soalan ini dihasilkan untuk mengetahui sejauhmanakah responden mengetahui sejarah tentang Terrapuri Heritage Village. Terdapat 96 orang responden bersamaan 25.4% memilih “Ya” iaitu mengetahui sejarah awal penubuhan Terrapuri Heritage Village. Sementara itu, terdapat juga 163 orang responden daripada 378 responden bersamaan 43.1% yang mendominasi memilih “Tidak” iaitu tidak mengetahui sejarah awal penubuhan Terrapuri Heritage Village. Sementara itu, seramai 119 orang responden bersamaan 31.5% memilih “Tidak Pasti” iaitu tidak pasti akan sejarah awal penubuhan Terrapuri Heritage Village. Hal ini sekali gus menyimpulkan bahawa masih ramai masyarakat yang kurang peka akan sejarah bangunan warisan ini. Walaupun masyarakat mengetahui bahawa kewujudan sesebuah bangunan warisan, namun sejarah dibalik bangunan warisan tersebut masih tidak diindahkan oleh mereka.


4.4.3 Bahagian B: Adakah anda mengetahui pengaruh seni bina di Terrapuri Heritage Village?



Rajah 4.12: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.12 diatas menunjukkan soalan ketiga berkenaan pengaruh seni bina di Terrapuri Heritage Village. Seramai 151 orang responden daripada 378 responden secara keseluruhan iaitu bersamaan 39.9% menyatakan “Ya” yang menunjukkan mereka mengetahui tentang pengaruh seni bina di Terrapuri Heritage Village. Manakala seramai 140 orang responden bersamaan 37% menyatakan “Tidak” iaitu menyatakan tidak mengetahui tentang pengaruh seni bina di Terrapuri Heritage Village dan terdapat 87 orang responden iaitu bersamaan 23% memilih “Tidak Pasti” iaitu menyatakan tidak pasti akan pengaruh seni bina di Terrapuri Heritage Village. Walaupun peratusan responden yang mengetahui tentang pengaruh seni bina di Terrapuri Heritage Village adalah tinggi, namun sekiranya ia tidak didedahkan kepada umum, peratusan responden yang tidak mengetahui tentang pengaruh seni bina warisan ini akan turut meningkat.


4.4.4 Bahagian B: Adakah Terrapuri Heritage Village berpotensi menarik kedatangan pelancong?



Rajah 4.13: Taburan Responden Mengikut Skala

Rajah 4.13 menunjukkan soalan keempat berkenaan potensi Terrapuri Heritage Village bagi menarik kedatangan pelancong. Terdapat 186 orang responden bersamaan 49.2% yang mendominasi memilih “Ya” iaitu berpendapatan bahawa Terrapuri Heritage Village mampu menarik kedatangan pelancong. Sementara itu, terdapat juga 79 orang bersamaan 20.9% yang memilih “Tidak” iaitu berpendapatan bahawa Terrapuri Heritage Village tidak berpotensi dalam menarik kedatangan pelancong. Selain itu, seramai 113 orang responden bersamaan 29.9% memilih “Tidak Pasti” iaitu tidak pasti sama ada Terrapuri Heritage Village berpotensi menarik kedatangan pelancong. Hal ini jelas kerana kawasan tersebut mempunyai kelebihan yang mampu menarik kedatangan pelancong, namun masih terdapat kekurangan dari segi pengangkutan dan kurang aktiviti menyebabkan masih ada yang ragu-ragu akan kawasan pelancongan ini.


4.4.5 Bahagian B: Adakah Kampung Penarik turut terkenal dengan Pelancongan Warisan?



Rajah 4.14: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.14, menunjukkan pendapat masyarakat tempatan tentang Kampung Penarik turut terkenal dengan pelancongan warisan. Seramai 102 orang responden daripada 378 responden secara keseluruhan iaitu bersamaan 27% menyatakan “Ya” yang menyatakan bahawa Kampung Penarik terkenal dengan pelancongan warisan. Manakala seramai 143 orang responden bersamaan 37.8% menyatakan “Tidak” iaitu menyatakan Kampung Penarik tidak terkenal dengan pelancongan warisan dan terdapat 133 orang responden iaitu bersamaan 35.2% memilih “Tidak Pasti” iaitu menyatakan tidak pasti sama ada Kampung Penarik terkenal dengan pelancongan warisan. Dapat diperhatikan bahawa masyarakat menyatakan Kampung Penarik tidak terkenal dengan Pelancongan Warisan. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, Kampung Penarik kaya dengan sumber perikanan dan makanan laut. Produk warisan pula lebih banyak dibawa masuk dari kawasan luar dan dijual di Kampung Penarik.


4.4.6 Bahagian B: Adakah pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village ini mempunyai kepentingan kepada anda?



Rajah 4.15: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.15, diatas menunjukkan kepentingan Terrapuri Heritage Village kepada masyarakat tempatan. Seramai 162 orang responden daripada 378 responden secara keseluruhan iaitu bersamaan 42.9% menyatakan “Ya” yang menunjukkan mereka berpendapat bahawa Terrapuri Heritage Village mempunyai kepentingan kepada mereka. Manakala seramai 60 orang responden bersamaan 15.91% menyatakan “Tidak” iaitu menyatakan Terrapuri Heritage Village tidak memberi kepentingan kepada mereka dan terdapat 156 orang responden iaitu bersamaan 41.3% memilih “Tidak Pasti” iaitu menyatakan tidak pasti Terrapuri Heritage Village memberi kepentingan kepada mereka. Berdasarkan kajian pengkaji, pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village ini hanya memberi kepentingan kepada penduduk tempatan dan para pekerja yang bekerja di sana sahaja dan tidak memberi kepentingan kepada pengunjung luar.


4.4.7 Bahagian B: Adakah ragam hias yang terdapat pada bangunan di Terrapuri Heritage Village mampu mengekalkan keaslian dan identiti sesebuah masyarakat?



Rajah 4.16: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.16 diatas menunjukkan ragam hias yang terdapat pada bangunan di Terrapuri Heritage Village mampu mengekalkan keaslian dan identiti sesebuah masyarakat. Seramai 162 orang responden daripada 378 responden secara keseluruhan iaitu bersamaan 42.9% menyatakan “Ya” yang menunjukkan mereka berpendapatan bahawa ragam hias yang terdapat di bangunan Terrapuri Heritage Village mampu mengekalkan keaslian dan identiti sesebuah masyarakat. Manakala seramai 60 orang responden bersamaan 15.9% menyatakan “Tidak” iaitu menyatakan ragam hias yang terdapat di Terrapuri Heritage Village tidak mampu mengekalkan keaslian dan identiti sesebuah masyarakat dan terdapat 156 orang responden iaitu bersamaan 41.3% memilih “Tidak Pasti” iaitu menyatakan tidak pasti sama ada ragam hias yang terdapat di Terrapuri Heritage Village mampu mengekalkan keaslian dan identiti sesebuah masyarakat. Nilai keseluruhan yang tinggi adalah menunjukkan ragam hias di Terrapuri Heritage Village mampu mengekalkan keaslian dan identiti sesebuah masyarakat kerana rekaan rumah dikawasan tersebut tidak pernah berubah dan hanya dibaik pulih sejak dahulu. Semua motif yang digunakan juga masih mempunyai rekaan dari kerajaan Langkasuka terdahulu.


4.4.8 Bahagian B: Adakah dengan menyediakan pusat pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village dapat memulihara seni bina bangunan klasik?



Rajah 4.17: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.17 diatas menunjukkan pusat pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village dapat memulihara seni bina bangunan klasik. Seramai 183 orang responden daripada 378 responden secara keseluruhan iaitu bersamaan 48.4% menyatakan “Ya” yang menyatakan bahawa Terrapuri Heritage Village dapat memulihara seni bina bangunan klasik. Manakala seramai 53 orang responden bersamaan 14% menyatakan “Tidak” iaitu menyatakan Terrapuri Heritage Village tidak dapat memulihara seni bina bangunan klasik dan terdapat 142 orang responden iaitu bersamaan 37.6% memilih “Tidak Pasti” iaitu menyatakan tidak pasti sama ada Terrapuri Heritage Village dapat memulihara seni bina bangunan klasik.


4.4.9 Bahagian B: Adakah pelancongan warisan masih sesuai untuk dikomersialkan dengan kepesatan pembangunan kini?



Rajah 4.18: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.18, menunjukkan kesesuaian pelancongan warisan untuk dikomersialkan dengan kepesatan pembangunan kini. Seramai 189 orang responden daripada 378 responden secara keseluruhan iaitu bersamaan 50% menyatakan “Ya” yang menyatakan pelancongan warisan masih sesuai untuk dikomersialkan dengan kepesatan pembangunan kini. Manakala seramai 95 orang responden bersamaan 25.1% menyatakan “Tidak” iaitu menyatakan pelancongan warisan tidak sesuai dikomersialkan dengan kepesatan pembangunan kini dan terdapat 94 orang responden iaitu bersamaan 24.9% memilih “Tidak Pasti” iaitu menyatakan tidak pasti sama ada pelancongan warisan sesuai dikomersialkan dengan kepesatan pembangunan kini. Majoriti menunjukkan pelancongan warisan masih sesuai dikomersialkan kerana masih terdapat masyarakat yang meminati dan mahu mengenali warisan dengan lebih mendalam.

4.4.10 Bahagian B: Adakah terdapat penglibatan masyarakat setempat dalam industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village?




Rajah 4.19: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.19, menunjukkan penglibatan masyarakat tempatan dalam industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village. Seramai 174 orang responden daripada 378 responden secara keseluruhan iaitu bersamaan 46% menyatakan “Ya” yang menyatakan bahawa terdapat penglibatan masyarakat tempatan dalam industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village. Manakala seramai 71 orang responden bersamaan 18.8% menyatakan “Tidak” iaitu menyatakan tiada penglibatan masyarakat tempatan dalam industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village dan terdapat 133 orang responden iaitu bersamaan 35.2% memilih “Tidak Pasti” iaitu menyatakan tidak pasti sama ada penglibatan masyarakat tempatan dalam industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village. Berdasarkan kenyataan diatas, masyarakat bersetuju bahawa terdapat penglibatan masyarakat setempat dalam industri pelancongan warisan. Hal ini jelas apabila terdapat festival seperti *Langkasuka 2022 Cultural Festival* yang pernah dilaksanakan di sana.

4.5 Dapatan Kajian 3: Mengenai Pelancongan Warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu Terhadap Impak Ekonomi Komuniti Masyarakat Setempat

Pengkaji menyasarkan penduduk tempatan yang menjalankan perniagaan di sekitar kawasan Terrapuri Heritage Village. Melalui cara ini, pengkaji dapat melihat sama ada terdapat peningkatan pendapatan penduduk disebabkan oleh pembangunan pelancongan warisan. Melalui pemerhatian menggunakan borang soal selidik ini, pengkaji dapat melihat dengan lebih teliti berkenaan penglibatan masyarakat setempat dan masyarakat luar dari segi perniagaan yang dilakukan. Kajian ini menggunakan skala Likert lima aras yang memerlukan responden untuk memilih salah satu jawapan dari lima pilihan iaitu Sangat Setuju (5), Setuju (4), Tidak Pasti (3), Tidak Setuju (2), Sangat Tidak Setuju (1).


4.5.1 Bahagian C: Industri Pelancongan Warisan sesuai diwujudkan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu.



Rajah 4.20: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.20 menunjukkan hasil dapatan berdasarkan kesesuaian kewujudkan industri pelancongan di Terrapuri Heritage, Terengganu. Nilai peratusan bagi responden yang memilih Sangat Setuju (5) dan Setuju (4) adalah lebih dominan berbanding nilai peratusan yang lain. Berdasarkan graf diatas, seramai 126 orang responden bersamaan 33.3% menyatakan sangat setuju dan seramai 88 orang responden bersamaan 23.3% menyatakan setuju bahawa industri pelancongan warisan sesuai diwujudkan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu. Responden yang menyatakan Tidak Pasti (3) adalah seramai 86 orang bersamaan 22.8%. Seterusnya, Tidak Setuju (2) pula adalah seramai 30 orang bersamaan 7.9% dan Sangat Tidak Setuju (1) adalah seramai 48 orang bersamaan 12.7%.


4.5.2 Bahagian C: Pelancongan Warisan telah menyebabkan perubahan taraf hidup masyarakat setempat



Rajah 4.21: Taburan Responden Mengikut Skala

Rajah diatas menunjukkan hasil dapatan berkenaan penyataan industri pelancongan warisan telah menyebabkan perubahan taraf hidup masyarakat setempat. Nilai peratusan bagi responden yang memilih Setuju (4) adalah lebih dominan iaitu seramai 103 orang bersamaan 27.2%. Manakala nilai peratusan paling rendah dipilih oleh responden ialah Sangat Setuju (5) iaitu seramai 37 orang bersamaan 9.8% adalah menyatakan tidak pasti bahawa industri pelancongan warisan telah menyebabkan perubahan taraf hidup masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, masih terdapat responden seramai 3 orang bersamaan 2.3% memilih Tidak Setuju (2) dengan penyataan tersebut.


4.5.3 Bahagian C: Pembangunan industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village menyebabkan kenaikan harga barangan ekoran pembangunan yang kian pesat.



Rajah 4.22: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.22 menunjukkan hasil dapatan berdasarkan kenyataan bahawa pembangunan industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village menyebabkan kenaikan harga barangan ekoran pembangunan yang kian pesat. Graf di atas menunjukkan nilai peratusan responden iaitu seramai 117 orang responden bersamaan 31% daripada 378 orang responden memilih Setuju (4) manakala seramai 101 orang bersamaan 26.7% memilih Tidak Pasti (3) dengan pernyataan berkenaan kenaikan harga barangan ekoran pembangunan yang kian pesat. Seterusnya, seramai 58 orang responden bersamaan 15.3% memilih Sangat Setuju (5) dengan pernyataan di atas. Namun, terdapat juga responden seramai 37 orang bersamaan 9.8% yang memilih Tidak Setuju (2) dan seramai 65 orang bersamaan 17.2% memilih Sangat Tidak Setuju (1) yang menunjukkan pernyataan di atas adalah tidak tepat.


4.5.4 Bahagian C: Terdapat peningkatan bilangan usahawan desa di Kampung Penarik



Rajah 4.23: Taburan Responden Mengikut Skala

Rajah diatas menunjukkan hasil dapatan berkenaan peningkatan bilangan usahawan desa di sekitar kampung Penarik. Nilai peratusan berdasarkan graf diatas menunjukkan skala Setuju (4) adalah dominan iaitu seramai 137 orang bersamaan 36.2%. Selain itu, seramai 70 orang responden bersamaan 18.5% memilih Tidak Pasti (3) sama ada terdapat peningkatan berkenaan bilangan usahawan desa tersebut. Manakala terdapat seramai 59 orang responden pula bersamaan 15.6% memilih Sangat Setuju bahawa bilangan usahawan desa didapati meningkat di sekitar kampung Penarik. Walau bagaimanapun, terdapat 49 orang bersamaan 13% memilih Tidak Setuju (2) dan seramai 63 orang bersamaan 16.7% iaitu tidak setuju dengan pernyataan diatas. Kenyataan menunjukkan ramai yang mengetahui bahawa terdapat peningkatan bilangan usahawan namun masih ramai yang tidak mengenali usahawan- usahawan desa ini.


4.5.5 Bahagian C: Pendapatan masyarakat banyak bergantung dalam industri pelancongan warisan.



Rajah 4.24: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.24 menunjukkan hasil dapatan berdasarkan kenyataan bahawa pendapatan masyarakat banyak bergantung dalam industri pelancongan warisan. Graf diatas menunjukkan nilai peratusan yang paling ramai ialah pada skala Sangat Tidak Setuju (1) iaitu seramai 110 orang responden bersamaan 29.1%. Pada skala Tidak Setuju (2) pula adalah seramai 85 orang bersamaan 22.5%. Manakala pada skala Tidak Pasti (3) pula adalah lebih ramai berbanding yang bersetuju iaitu dengan seramai 95 orang responden bersamaan 25.1%. Industri pelancongan warisan sememangnya telah semakin meluas namun bilangan responden yang memilih Setuju (4) adalah rendah iaitu seramai 57 orang bersamaan 15.1% dan juga yang memilih Sangat Setuju (5) iaitu seramai 31 orang (8.2%) yang menyatakan mereka tidak bersetuju dan menyatakan bahawa masyarakat tidak hanya bergantung dalam industri pelancongan warisan. Namun, berdasarkan kajian pengkaji mendapati sememangnya masyarakat tidak hanya bergantung dalam industri pelancongan semata-mata, hal ini kerana mereka turut menjalankan perniagaan lain sebagai sumber pendapatan mereka.


4.5.6 Bahagian C: Berlaku persaingan perniagaan antara penduduk tempatan dan orang luar.



Rajah 4.25: Taburan Responden Mengikut Skala

Rajah diatas menunjukkan hasil dapatan berkenaan berlakunya persaingan perniagaan antara penduduk tempatan dan orang luar. Nilai peratusan bagi responden yang memilih Tidak Pasti (3) adalah lebih dominan berbanding skala yang lain. Berdasarkan graf diatas, seramai 113 orang responden bersamaan 29.9% tidak pasti berkenaan pendapat bahawa terdapat persaingan perniagaan antara penduduk tempatan dan orang luar. Seterusnya diikuti pula dengan skala Tidak Setuju (2) iaitu seramai 83 orang responden bersamaan 22%. Pada skala Sangat Tidak Setuju (1) pula dipilih seramai 77 orang responden bersamaan 20.4%. Bagaimanapun, terdapat juga yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini dibuktikan pada skala Setuju (4) iaitu seramai 64 orang responden bersamaan 16.9% dan pada skala Sangat Setuju (5) iaitu seramai 41 orang bersamaan 10.8%.


4.5.7 Bahagian C: Masyarakat setempat ditawarkan peluang pekerjaan di sekitar pembangunan pelancongan tersebut.



Rajah 4.26: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.26 menunjukkan hasil dapatan berkenaan masyarakat setempat yang ditawarkan peluang pekerjaan dalam industri pelancongan. Graf diatas menunjukkan nilai peratusan mengikut skala berdasarkan pemilihan oleh responden. Skala tertinggi adalah skala Sangat Setuju (5) iaitu seramai 109 orang bersamaan 28.8% dan diikuti skala Setuju (4) iaitu seramai 107 orang responden bersamaan 28.3% yang dapat membuktikan peluang pekerjaan amat meluas dari segi industri pelancongan. Pada skala Tidak Pasti (5) pula yang dipilih iaitu seramai 81 orang responden 21.4% diikuti skala Tidak Setuju (2) iaitu seramai 51 orang responden bersamaan 13.5%. Manakala pada skala Sangat Tidak Setuju (1) pula seramai 30 orang bersamaan 7.9% menunjukkan tiada peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam industri pelancongan.


4.5.8 Bahagian C: Kampung lain sekitar Kampung Penarik turut menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi setempat.



Rajah 4.27: Taburan Responden Mengikut Skala

Rajah diatas menunjukkan hasil dapatan berkenaan penyataan bahawa terdapat perkampungan lain iaitu kampung sekitar yang turut menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi setempat. Nilai peratusan yang tertinggi ialah pada skala Setuju (4) iaitu seramai 115 orang responden bersamaan 30.4%. Diikuti pula skala Sangat Setuju (5) iaitu seramai 94 orang responden bersamaan 24.9%. Pada skala Tidak Pasti (3) pula iaitu seramai 80 orang bersamaan 21.2%. Namun begitu, hasil dapatan juga menunjukkan ada sesetengah masyarakat yang tidak bersetuju. Hal ini dibuktikan pada skala Tidak Setuju (2) iaitu seramai 44 orang bersamaan 11.6% dan juga skala Sangat Tidak Setuju (1) iaitu seramai 45 orang responden bersamaan 11.9%.


4.5.9 Bahagian C: Pendapatan masyarakat setempat yang terlibat dengan industri pelancongan telah melepasi garis kemiskinan.



Rajah 4.28: Taburan Responden Mengikut Skala

Berdasarkan rajah 4.28 menunjukkan hasil dapatan berkenaan masyarakat setempat yang terlibat dalam industri pelancongan melepasi garis kemiskinan. Graf diatas menunjukkan nilai peratusan mengikut skala berdasarkan pemilihan oleh responden. Skala tertinggi adalah skala Tidak Pasti (3) iaitu seramai 120 orang bersamaan 31.7% dan diikuti skala Setuju (4) iaitu seramai 96 orang responden bersamaan 9.8% dan Sangat Setuju pula 37 orang responden bersamaan 37 orang bersamaan 9.8% yang dapat membuktikan peluang pekerjaan amat meluas dari segi industri pelancongan. Pada skala skala Tidak Setuju (2) iaitu seramai 63 orang responden bersamaan 16.7%. Manakala pada skala Sangat Tidak Setuju (1) pula seramai 62 orang bersamaan 16.4% menunjukkan tiada peluang pekerjaan yang ditawarkan dalam industri pelancongan.

4.5.10 Bahagian C: Kemudahan dan perkhidmatan semakin berkembang setelah industri pelancongan diwujudkan.



Rajah 4.29: Taburan Responden Mengikut Skala

Rajah diatas menunjukkan hasil dapatan berkenaan pernyataan bahawa kemudahan dan perkhidmatan semakin berkembang setelah industri pelancongan diwujudkan. Nilai peratusan yang tertinggi ialah pada skala Tidak Pasti (3) iaitu seramai 122 orang responden bersamaan 33.4%. Diikuti pula skala Setuju (4) iaitu seramai 122 orang responden bersamaan 30.7%. Pada skala Sangat Setuju (3) pula iaitu seramai 98 orang bersamaan 25.9%. Namun begitu, hasil dapatan juga menunjukkan ada sesetengah masyarakat yang tidak bersetuju. Hal ini dibuktikan pada skala Tidak Setuju (2) iaitu seramai 34 orang bersamaan 9% dan juga skala Sangat Tidak Setuju (1) iaitu seramai 8 orang responden bersamaan 2.1%.

4.6 Penutup

Secara keseluruhan, dalam bab ini telah dijelaskan dengan terperinci dapatan kajian berdasarkan kesemua instrumen kajian yang dipilih oleh pengkaji iaitu secara temubual dan borang soal selidik. Bagaimanapun, dapatan ini hanya difokuskan kepada tiga kampung berhampirann Terrapuri Heritage Village sahaja dan tidak digeneralisasikan ke atas semua penduduk di Setiu walaupun kaedah rawak telah dijalankan dalam pemilihan responden kajian ini.

Oleh itu, dapat dirumuskan berdasarkan tiga objektif kajian, yang pertama keistimewaan Terrapuri Heritage Village dikatakan mempunyai keunikan yang dapat dilihat pada rumah bujang berserambi Terengganu yang mempunyai motif dan reka bentuknya yang menarik dan mempunyai maksud tertentu. Secara keseluruhan, maklumat yang diperolehi dalam objektif pertama ini adalah melalui temubual dan juga kajian kepustakaan. Objektif kedua dan ketiga pula adalah berdasarkan borang soal selidik dan juga pemerhatian pengkaji di kajian lapangan.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab 5 merupakan bab terakhir dalam projek penyelidikan mengenai pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village: tinjauan terhadap impak ekonomi masyarakat setempat. Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan segala perbincangan, cadangan dan kesimpulan hasil dapatan kajian. Segala yang dihuraikan adalah selaras dengan objektif kajian berkaitan projek penyelidikan ini. Tambahan, maklumat yang diperolehi daripada analisis data juga akan diteliti semula untuk menambahbaik segala permasalahan yang ada melalui beberapa cadangan yang akan dinyatakan. Melalui cara ini, pengkaji dapat menyimpulkan data secara ringkas sekaligus melengkapkan projek penyelidikan mengenai pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village: tinjauan terhadap impak ekonomi masyarakat setempat.

5.2 Perbincangan Mengenai Keistimewaan Terrapuri Heritage Village Sebagai Pelancongan Warisan

Perbincangan pengkaji adalah tertumpu berdasarkan objektif dan hipotesis kajian. Objektif pertama adalah membincangkan keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan. Berdasarkan data yang diperolehi oleh pengkaji, negeri Terengganu sememangnya terkenal dengan pelancongan warisan. Namun, setelah dispesifikan, pengkaji telah memilih sebuah pusat peranginan yang berada di sebuah kampung dikenali sebagai Terrapuri Heritage Village yang berada di Kampung Mangkuk, Penarik, Setiu.


Melalui data yang diperolehi pengkaji, dapat menyatakan bahawa Terrapuri Heritage Village merupakan perkampungan rumah klasik yang menempatkan 29 buah rumah. Menurut pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village, pemilik tempat ini yang dikenali sebagai Encik Alex Lee Yun Pin sememangnya mempunyai perasaan cinta akan warisan tanah air dan berusaha menjelajah seluruh Terengganu untuk diletakkan di Terrapuri Heritage Village. Hal ini dapat dilihat apabila setiap rumah yang berada di situ mempunyai namanya sendiri iaitu nama tempat asal rumah tersebut diambil. Untuk memastikan cita-cita beliau untuk mengangkat semula bangunan klasik tercapai,



Rajah 5.1: Salah Satu Nama Rumah Yang Terdapat Di Terrapuri Heritage Village

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji Pada 30 November 2022)

Rumah-rumah klasik ini menjadi lebih unik kerana mempunyai sejarah lampau tersendiri dan senibinanya dikatakan berlandaskan kitab Tajul Muluk. Menurut Mohd. Nazaruddin Yusoff et.al (2004), penggunaan kitab Melayu lama iaitu Tajul Muluk yang digunakan sebelum membina sebuah rumah adalah perlu untuk memastikan keselamatannya dan mengikut agama serta adat resam. Kajian terdahulu adalah benar apabila terdapat 3 helai perca kain yang berbeza warna berada di bawah atap rumah dan ia dikaitkan dengan kepercayaan orang-orang terdahulu. Perca kain tersebut turut dikenali sebagai Bendera Pendeka atau Bunga Halang. Kain perca ini digunakan untuk menghalang syaitan atau roh jahat daripada masuk ke dalam rumah. Antara warna yang digunakan adalah merah yang bermaksud semangat waja, putih bermaksud kesucian dan hitam bermaksud alam misteri. Tambahan, rumah yang diletakkan perca kain ini juga dikatakan tidak akan dipanah petir. Ia dipercayai mempunyai unsur Hindulism tapi telah diselarikan dengan islam. Hal ini turut dikaitkan dalam adat mendirikan rumah yang bersinonim dengan masyarakat Melayu dan tukang rumah pada zaman dahulu. Berdasarkan penulisan Lukisan Terukur Rumah Tradisional Melayu (2021), menyatakan bahawa hampir setiap rumah tradisonal dibina dengan pendekatan spitual yang dipercayai untuk memberi semangat, menghindarkan kejadian yang tidak diingini, keduakaan dan malapetaka.



Rajah 5.2: Kain Yang Berlainan Warna Berada di Bawah Atap Rumah Bujang
(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji Pada 30 November 2022)

5.2.1 Ragam hias di Terrapuri Heritage Village

Seperti yang diketahui ramai, Terengganu sememangnya kaya dengan motif ukiran yang indah dan mempunyai estetika yang tersendiri. Lazimnya, motif-motif seperti geometri, flora fauna dan kaligrafi yang digunakan sebagai penanda aras identiti hasil tangan pengukir dan tukang kayu tempatan. Setelah menjalankan pemerhatian, rumah-rumah orang Melayu Terengganu sebelum abad ke-20 adalah sederhana bentuknya namun mempunyai nilai seni yang tinggi. Menurut maklumat yang diperolehi pengkaji, benarlah kajian yang dijalankan oleh Zakaria (1994), kerana mendapati seni ukiran yang digunakan pakai di rumah-rumah Melayu Terengganu mempunyai gaya ukiran sejak dari era kerajaan Langkasuka.

Jika diperhatikan pada jenis motif yang digunakan, kebiasaannya motif flora dan kaligrafi merupakan motif yang menjadi pilihan para tukang kerana selaras dengan ajaran Islam yang melarang penggunaan motif berbentuk figura. Namun, hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan. Motif figura seperti Makara masih terdapat pada terdapat pada sesetengah rumah atau perahu hasil daripada tinggalan dari era sebelum Islam. Walau bagaimanapun, terdapat juga motif yang tiada nama kerana gambaran tersebut hanyalah mengikut imaginasi pengukirnya.



Rajah 5.3: Salah Satu Pintu Gerbang Yang Terdapat di bahagian Tengah Terrapuri Heritage Village

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji Pada 30 November 2022)

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, antara ragam hias yang membuktikan keistimewaan rekaan di Terrapuri Heritage Village antara salah satunya pada pintu gerbang. Rajah diatas merupakan salah satu pintu gerbang yang dapat dilihat pada bahagian sulur yang mempunyai ciri naga atau belalai gajah atau dikenali sebagai Makara yang merupakan gambaran kosmologi mitos raksasa laut Pattani. Dapat dilihat juga keseluruhan bentuk stupa atau buah buton. Gunung pula menunjukkan puncak gunung atau pohon budi (pokok kehidupan) yang kebiasaannya digunakan sebagai simbol status.

Ukiran yang digunakan pada rumah-rumah Melayu Terengganu menambahkan lagi nilai estetikanya. Ukiran merupakan lambang bagi status seseorang Melayu maka tidak hairanlah raja dan golongan bangsawan memilih tukang ukir mahir untuk menghasilkan pelbagai motif yang menarik.

Antara ukiran-ukiran yang diterapkan pada komponen Rumah Tiang 12 atau turut dikenali sebagai Rumah Bujang Selasar Terengganu, dapat dilihat pada bahagian sisir angin, kekisi dan dinding rumah tersebut, iaitu terdapat sobekan tebuk tembus dan tebuk timbul. Ukiran-ukiran ini berfungsi sebagai komponen bagi mengalirkan udara daripada ruang dalaman rumah kepada ruang luaran disamping menjadi sebagai perhiasan serta keindahan rumah tersebut. Motif yang digunakan pada sobekan tersebut juga lebih menonjol kepada motif flora dan disesuaikan dengan konsep keagamaan.

Elemen tumbuhan yang diukir ialah motif kerak nasi dan diapit bersama motif yang mempunyai tumbuhan melingkar yang dikenali sebagai sulur bayur yang membentuk seperti huruf 's' dan mempunyai putik pada hujungnya. Berdasarkan huraian melalui temubual yang dijalankan bersama pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village, menyatakan jenis tumbuhan ini mempunyai sifat kelembutan dan ketenangan. Hal ini bersesuaian dengan falsafah seni ukiran yang dinyatakan oleh Zulkifli Hanafi (1996), seni ukiran merupakan ekspirasi kecintaan pada keindahan. Keindahan pula wujud apabila adanya kejujuran dalam seni yang datang bersama kesabaran dan ketekunan.



Rajah 5.4: Tebuk Tembus Dan Tebuk Timbul

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji Pada 30 November 2022)

Selain daripada ukiran yang ada pada rumah-rumah Terengganu, terdapat juga rumah yang hiasi dengan ragam hias pada bahagian dinding dikenali sebagai ‘Dinding Pelupoh’. Pelupoh merupakan buluh yang diketuk atau dipupuh sehingga rata dijadikan sebagai dinding rumah. Menurut sejarah, rumah orang yang berada atau bangsawan kebiasaannya dibuat daripada kayu cengal yang dipotong pada ukuran tertentu serta diberi ukiran dalam pelbagai motif. Namun, terdapat juga dinding yang diperbuat daripada buluh yang dianyam. Dinding pelupoh yang telah dianyam dan mempunyai corak dikenali sebagai Kelarai. Terdapat berbagai jenis Kelarai dan kesemuanya menggambarkan nilai seni yang tersendiri. Ianya juga berfungsi sebagai pengudaraan dan pencahayaan rumah. Antara rumah yang menggunakan dinding pelupoh di Terrapuri Heritage Village ini adalah Rumah Paloh, Rumah Tasek, Rumah Dusun dan Rumah Pulau Manis. Namun, terdapat juga kepercayaan terdahulu yang menyatakan bahawa buluh yang dipilih untuk dijadikan sebagai pelupoh akan ditebang pada hari rabu kerana dipercayai tidak akan dimakan serangga perosak seperti bubuk dan ia akan mempunyai jangka hayat yang lama.



Rajah 5.5: Dinding Pelupoh yang Mempunyai Awan Larat yang Terbentuk daripada Anyaman Buluh

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji Pada 30 November 2022)

Arus kemodenan sememangnya banyak menghakis teknologi tradisional dalam senibina rumah namun rumah-rumah klasik disini masih teguh menggunakan kaedah pasak dan tanggam. Hal ini bagi memudahkan rumah ini untuk diuruskan ketika proses dibaikpulih serta mengekalkan ciri-ciri warisan tersebut. Kenyataan Ahmad (2004) menyatakan pengetahuan mengenai kayu adalah penting didalam kerja pemuliharaan adalah benar dan hanya tukang kayu mahir sahaja dipilih untuk melakukan pembaikpulih rumah-rumah klasik ini. Bukan itu sahaja, tukang kayu yang dipilih juga merupakan orang tempatan dari kawasan Setiu dan Terengganu sahaja. Hal ini benar apabila pemilik Terrapuri itu sendiri, Encik Alex Lee Yun Ping yang menggunakan khidmat 50 orang tukang kayu mahir untuk membaik pulih semula rumah-rumah tersebut.

Pemilihan tukang kayu mahir daripada petukang Melayu adalah penting kerana lebih mengenali keistimewaan dalam kebudayaan Melayu pada masa dahulu. Hal ini kerana, kerawang yang dihasilkan bukan sahaja menjadikan rumah tersebut berbeza dan unik malah turut mempunyai fungsi yang tersendiri. Seperti yang ramai ketahui ukiran kerawang tebuk tembus yang terdapat pada rumah bujang berserambi di Terrapuri Heritage Village ini berfungsi sebagai pengudaraan pada waktu malam dan juga siang. Menurut Encik Alex Lee Yun Ping juga, pemilihan atap singgora juga adalah penting kerana ia berfungsi sebagai pemancar haba yang baik. Struktur atap singgora yang lebih ringan menjadikan ianya akan terangkat sedikit apabila ditiup angin dan akan membawa udara masuk ke ruang dalaman menjadikan rumah lebih sejuk dan nyaman.

5.3 Perbincangan Mengenai Tahap Pengetahuan Masyarakat Setempat Terhadap Pelancongan Warisan

Objektif kedua pengkaji ialah ingin mengenalpasti sejauhmanakah tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan. Dalam objektif ini, pengkaji telah menggunakan kaedah borang soal selidik dan secara meyoriti tahap pengetahuan masyarakat berkaitan pelancongan warisan adalah tinggi. Namun begitu terdapat segelintir masyarakat hanya mengetahui umum berkaitan pelancongan warisan dan tidak mendalami sejarah awal penubuhan dan terdapatnya pengaruh senibina di kawasan kajian.

Berdasarkan soal selidik, menyatakann bahawa Kampung Penarik merupakan perkampungan yang terkenal dengan pelancongan warisan. Namun setelah dilakukan pemerhatian, mendapati pelancongan warisan tidak meluas di kawasan ini. Hal ini kerana perniagaan seperti batik, kraftangan hanya dibawa masuk dari daerah sekitar dan tidak usahakan di perkampungan ini. Perkampungan yang terkenal dengan perkampungan nelayan ini, lebih banyak menjalankan perindustrian belacan, makanan laut segar, dan juga keropok. Terdapat juga perniagaan kedai makan dan gerai-gerai yang menjual makanan laut yang segar di sekitar pantai Penarik. Hal ini membuktikan lagi bahawa pelancongan warisan tidak meluas di kawasan perkampungan ini.



5.6: Peniaga Gerai Makanan Di Sekitar Kampung Penarik

(Sumber: Kajian Lapangan Pengkaji Pada 30 November 2022)

Melalui borang soal selidik dan temuramah yang dijalankan mendapati majoriti masyarakat setempat mengetahui kenyataan tentang pelancongan warisan. Hal ini kerana masyarakat setempat sudah didedahkan tentang pelancongan warisan sejak dari kecil. Kedatangan pelancong sama ada dari dalam negara mahupun luar negara disambut baik oleh masyarakat sekitar. Walaupun mereka mengetahui kepentingan pelancongan warisan, sesetengah dari mereka masih tidak peka dengan bahawa terdapat pusat pelancongan yang memulihara bangunan warisan lama. Penduduk setempat kurang mengetahui kewujudan Terrapuri Heritage Village dan juga tidak mengetahui sejarah di sebalik penubuhan Terrapuri Heritage Village tersebut. Hal ini kerana mereka beranggapan bahawa kawasan tersebut hanya akan diminati oleh pelancong sahaja dan tidak menarik perhatian para penduduk sekitar.

Bukan itu sahaja, dari segi penglibatan masyarakat berkenaan dengan Terrapuri Heritage pula masih diperingkat yang rendah. Hasil dapatan daripada temuramah bersama penduduk sekitar menyatakan sesetengah individu tidak berminat untuk datang melawat ke kawasan Terrapuri Heritage Village. Hal ini akan menyebabkan mereka tidak mengenali hasil rekaan rumah yang menjadi identiti negeri Terengganu. Hal ini menjadikan benar kenyataan pemilih Terrapuri Heritage Village itu sendiri iaitu Encik Alex Lee Yun Ping (2019), yang menyatakan bahawa beliau membeli rumah terbiar di perkampungan itu bermula pada tahun 1990an kerana kebanyakan masyarakat ketika itu sudah mulai berminat dengan seni bina moden yang dikatakan lebih murah bahan untuk membinanya. Hal ini turut disokong dalam kenyataan Lim Jee Yuam (1987) dalam kajian beliau yang menyatakan pengaruh pembangunan gaya barat telah banyak mendorong masyarakat untuk tidak mengendahkan nilai rumah tradisional.

5.4 Perbincangan Mengenai Pelancongan Warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu Terhadap Impak Ekonomi Komuniti Masyarakat Setempat

Objektif ketiga pengkaji ialah menganalisis pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu terhadap impak ekonomi komuniti masyarakat setempat. Melalui pengedaran borang soal selidik yang dijalankan, mendapati industri pelancongan telah banyak meningkatkan tahap ekonomi masyarakat setempat. Hal ini kerana majoriti penduduk setuju bahawa industri pelancongan telah mengubah taraf kehidupan mereka.

Antara impak ekonomi yang dapat dilihat ialah dari segi peluang pekerjaan. Melalui edaran borang soal selidik mendapati majoritinya diberikan peluang pekerjaan dalam sektor pelancongan. Walaupun begitu, masyarakat masih selesa menjalankan perniagaan sendiri seperti nelayan, penghasilan belacan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, masih dikatakan terdapat persaingan antara masyarakat tempatan dan luar dalam sektor perniagaan. Namun, peluang pekerjaan masih diberikan kepada masyarakat tempatan berbanding masyarakat luar. Hal ini kerana kawasan perkampungan yang agak terpencil menjadikan ia agak sukar bagi masyarakat luar berulang alik untuk bekerja. Dari segi sektor pelancongan pun, masyarakat diberi peluang bekerja sebagai pengurusan di Terrapuri, pemandu pelancong, pembekal produk warisan untuk dijual di Terrapuri Heritage Village. Bukan itu sahaja, peluang pekerjaan juga kepada tukang kayu mahir. Hal ini kerana Terrapuri Heritage Village merupakan tempat yang menjalankan restorasi secara berterusan. Walaupun zaman semakin moden, mereka masih diberi peluang untuk bekerja bagi memulihara bangunan warisan tersebut.

Seterusnya, hasil dapatan juga menunjukkan kampung sekitar juga menjadi salah satu penyumbang dalam peningkatan ekonomi. Hal ini dapat dilihat di kawasan Kampung Penarik Baru mempunyai lebih banyak perniagaan seperti *Chalet*, *Homestay* dan sebagainya yang dapat meningkatkan kedatangan pelancong ke perkampungan ini. Hal ini dapat dilihat, terdapatnya Kampung Chalok yang merupakan perkampungan lain yang turut menjadi penyumbang kepada kedatangan pelancong ke Kampung Penarik. Kampung Chalok mempunyai produk makanan warisan seperti kuih Akok yang dapat menarik pelancong terus ke Kampung Penarik pula untuk mendapatkan perkhidmatan pelancongan. Hal ini dibuktikan dalam penulisan akhbar Utusan Timur (2021) yang menyatakan keunikan kawasan Kampung Mangkuk dan Penarik yang masih mengekalkan identiti perkampungan tradisional telah disenarai pendek sebagai Kampung Pelancongan Terbaik negara. Hal ini menjadikan bilangan usahawan desa turut meningkat, sesuai dengan perkembangan industri pelancongan.

Impak ekonomi lain ialah sumber pendapatan meningkat. Hal ini bukan sahaja kepada masyarakat tempatan, malah turut kepada industri pelancongan itu sendiri. Dengan adanya pembukaan Terrapuri Heritage Village, ia juga dapat menjana keuntungan. Hal ini dapat dicapai melalui pelaksanaan bayaran masuk untuk melawat ke sekitar Terrapuri Heritage Village dan juga melalui sumbangan yang diberikan oleh individu atau syarikat yang menganjurkan acara atau aktiviti berkaitan. Sebagai contoh, kawasan Terrapuri Heritage Village ini pernah dijadikan sebagai lokasi filem Malaysia iaitu Merong Mahawangsa pada 2011 dan terbaru dijadikan sebagai lokasi muzik video oleh seorang penyanyi Malaysia, Siti Nordiana. Secara tidak langsung, masyarakat dapat menawarkan perkhidmatan pelancongan dan juga menjual produk warisan seperti batik *exclusive* yang dibawa masuk dari Setiu.

5.5 Cadangan

Kajian yang dijalankan adalah tertumpu kepada masyarakat setempat yang berada di sekitar kampung Terrapuri Heritage Village. Hal ini kerana pengkaji ingin mengetahui sejauhmana tahap pengetahuan penduduk terhadap pelancongan warisan. Melalui hasil dapatan kajian, pengkaji mencadangkan agar penduduk setempat bekerjasama dalam mempromosikan produk pelancongan warisan. Penduduk setempat perlulah mendapatkan pekerjaan dalam industri pelancongan contohnya dari segi sektor perkhidmatan, perusahaan, perniagaan dan lain-lain. Cara ini juga dapat mengatasi permasalahan isu pekerjaan dalam kalangan penduduk setempat.

Seterusnya, dalam kajian ini, hasil dapatan daripada temuramah bersama masyarakat, terdapat sesetengah individu yang suka dan tidak suka akan pembinaan pembangunan pelancongan di Terrapuri Heritage Village. Mereka menyatakan suka bahawa ia dapat dijadikan sebagai tempat pelancongan yang menarik dan dapat meningkatkan kedatangan pelancong ke kawasan tersebut. Namun, bagi yang tidak suka pula adalah disebabkan oleh pemilik kepada Terrapuri Heritage Village yang dikatakan bukan berbangsa Melayu kerana berketurunan Cina walaupun beliau amat fasih berbahasa Melayu. Hal ini menunjukkan pemikiran masyarakat masih belum maju dan tidak berfikir secara terbuka. Melalui hal ini, ia melibatkan isu perkauman dan perlulah diselesaikan segera agar tidak berlaku sebarang perselisihan faham yang akan membawa kepada keburukan. Dalam kontek ini, masyarakat perlulah berfikir secara rasional dan muhasabah diri serta cuba untuk memperbaiki hubungan antara satu sama lain.

Bukan itu sahaja, permasalahan kawasan Terrapuri yang agak sunyi dan berada di pedalaman menyebabkan penduduk kurang gemar untuk mendekati kawasan tersebut. Kawasanya yang tidak mempunyai lampu jalan juga menjadi kekusaran kepada penduduk lebih-lebih lagi pada waktu malam. Hal ini kemungkinan boleh menyebabkan berlakunya kes jenayah seperti merompak boleh berlaku. Melalui hal tersebut, dicadangkan untuk meletakkan lampu jalan dikawasan sekitar dan juga diawasi oleh pihak keselamatan secara berkala.

Tambahan, terdapat juga masyarakat setempat yang menyatakan harga bagi bayaran masuk terlalu tinggi menyebabkan penduduk setempat tidak berminat untuk melawat ke Terrapuri Heritage Village. Masyarakat setempat berpendapat bahawa harga tersebut hanya akan diterima oleh pelancong luar memandangkan ia merupakan kawasan pelancongan yang terkenal. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar pihak pengurusan dan pemilik Terrapuri Heritage Village mengadakan hari terbuka dengan untuk meletakkan harga bayaran masuk untuk harga yang lebih rendah bagi masyarakat setempat. Melalui cara ini, masyarakat juga dapat berkenalan dan beramah mesra bersama pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village. Cadangan ini bagi mengelakkan persepsi buruk masyarakat terhadap Terrapuri Heritage Village tidak berterusan sehingga kemudian hari.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.6 Kesimpulan

Kesimpulannya, melalui hasil perbincangan berkenaan data yang diperolehi daripada kajian penyelidikan ini melalui kaedah yang dipilih membantu pengkaji untuk mendapatkan data secara sah dan telus. Oleh itu, berdasarkan objektif pertama iaitu keistimewaan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan dapat dilihat bahawa struktur seni bina yang terdapat pada bangunan tersebut sememangnya menarik lebih ramai pengiat seni untuk datang sama ada untuk mengkaji mahupun untuk melancong. Berdasarkan objektif kedua pula, dapat dibincangkan bahawa masyarakat setempat sememangnya mengetahui berkenaan dengan pelancongan warisan namun penglibatan dalam industri tersebut masih dapat dipertingkatkan sekiranya diberi perhatian penuh. Bagi objektif ketiga, pengkaji telah menjalankan kajian di sekitar kampung iaitu Kampung Mangkuk, Kampung Penarik Baru dan Kampung Penarik serta beberapa kawasan yang berdekatan kerana pengkaji ingin mengetahui sama ada pembangunan tersebut memberi impak yang positif atau sebaliknya kepada penduduk setempat. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian yang dijalankan ini dapat membantu pihak berkepentingan agar meningkatkan mutu dan fasiliti pembangunan dan terus maju pada masa akan datang.

5.7 Penutup

Secara keseluruhannya, Terrapuri Heritage Village merupakan perkampungan yang menempatkan rumah tradisional Melayu Terengganu yang dibangunkan semula dan dijadikan sebagai sebuah pusat pelancongan warisan. Ia merupakan salah satu usaha daripada anak jati Terengganu yang mahu memartabatkan produk warisan negara di mata dunia. Oleh itu, sekiranya lebih banyak usaha seperti ini dilaksanakan, pasti nilai keaslian dan keunikan seni bina tradisional Melayu dapat dilindungi.

RUJUKAN

Abdul Halim Nasir (2016), *Ukiran Kayu Melayu Tradisi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur

Ang Kean Hua¹ (2016), Pengenalan Rangkakerja Metodologi Dalam Kajian Penyelidikan: Satu Kajian Kes, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, Volume 1, page 17-23
<https://media.neliti.com/media/publications/322466-pengenalan-rangkakerja-metodologi-dalam-675009ac.pdf>

Amir Nawawi. (2020). Terrapuri Heritage Village- Istana Lama Di Setiu Terengganu, Amirnawawi.com
<http://amirnawawi.com/terrapuri-heritage-village-istana-lama-di-setiu-terengganu/>

Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim. (2016, Mac 21). Sektor Pelancongan Boleh Menjana Ekonomi Negara. *Pelita Brunei*
<http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202016/NewDisplayForm.aspx?ID=4944&ContentTypeId=0x0100C24655BC59DE97409F6389F990C938DB>

Ismail Said, Ahmad Saifuddin Abdullah (2001), *Spesies-Spesies Kayu Dalam Seni Ukiran Melayu*, *Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor Darul Ta'zim*

Jessica James¹, Rosazman Hussin² (2021), Impak Aktiviti Pelancongan Ke Atas Komuniti Setempat : Tinjauan Literatur. *Univeriti Malaysia Sabah*
[file:///C:/Users/lenovo/Downloads/FULL%20PP%20DOC/File%20PP/17.%20Impak%20Aktiviti%20Pelancongan%20Ke%20Atas%20Komuniti%20Setempat%20\(Kajian%20Literatur\).pdf](file:///C:/Users/lenovo/Downloads/FULL%20PP%20DOC/File%20PP/17.%20Impak%20Aktiviti%20Pelancongan%20Ke%20Atas%20Komuniti%20Setempat%20(Kajian%20Literatur).pdf)

KELANTAN

Jamaliddin Md. Jahi (2009), Pembangunan Pelancongan dan Impaknya terhadap Persekitaran Fizikal Pinggir Pantai, *Malaysia Journal of Environmental Management*
file:///C:/Users/lenovo/Downloads/FULL%20PP%20DOC/File%20PP/15.%20Pembangunan%20Pelancongan%20dan%20Impaknya%20terhadap%20Persekitaran%20Fizikal%20Pinggir%20Pantai%20(2009).pdf

Kamarul Azmi Jasmi (2012), Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif, *Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia*
http://eprints.utm.my/id/eprint/41091/1/KamarulAzmiJasmi2012_MetodologiPengumpulanDataPenyelidikanKualitatif.pdf

Kong Teck Sieng, Oliver Valentine Eboy (2021), Pemetaan Jejak Warisan Untuk Tujuan Pelancongan Lestari Menggunakan Gis Di Tambunan, *Universiti Malaysia Sabah*
file:///C:/Users/lenovo/Downloads/FULL%20PP%20DOC/File%20PP/21.%20Pemetaan%20Jejak%20Warisan%20(2021).pdf

Mangkuk, Penarik Diisytihar Kampung Pelancongan. (2021). Utusan Timur
<https://utusan Timur.com/2021/10/24/mangkuk-penarik-diisytihar-kampung-pelancongan/>

Mohamad Zaki Ahmad¹, Norria Zakaria² & Johan Afendi Ibrahim³. (2014).
Pelancongan Warisan dan Penerapan Konsep Pelancongan Lestari Dalam Pemuliharaan “Khazanah” Negara: Satu Diskusi, *Proceedings of Seminar on National Resilience*, 2289-6732
https://123dok.com/document/q0ee4ply-pelancongan-warisan-dan-penerapan-konsep.html?utm_source=seo_title_list#fulltext-content

Mohd. Nazaruddin Yusoff (2010), Pembudayaan Nilai Islam Dalam Rekabentuk Rumah Tradisional Masyarakat Melayu, *Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-undang*
file:///C:/Users/lenovo/Downloads/FULL%20PP%20DOC/File%20PP/12.%20Pembudayaan%20Nilai%20Islam%20Dalam%20Rekabentuk%20Rumah%20Tradisional%20Masyarakat%20Melayu.pdf

Mohd Samsudin & Sulong Mohamad. (2013). Pengaruh Warisan Sejarah Dalam Industri Pelancongan Langkawi, *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 99-109

https://www.ukm.my/jatma/wp-content/uploads/makalah/IMAN1_9.pdf

Mohd Qawien Bin Mootar (2019), Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah Di George Town, Pulau Pinang, *Universiti Sains Malaysia*

<file:///C:/Users/lenovo/Downloads/FULL%20PP%20DOC/File%20PP/16.%20Pemuliharaan%20Bangunan%20Warisan%20Dari%20Aspek%20Sejarah%20di%20George%20Town.pdf>

Mokmin Basri (2012), Bab 4: Kaedah Kajian, Selangor International Islamic University Collage (KUIS), Bangi, Malaysia

https://www.researchgate.net/publication/283479198_Bab_4_Kaedah_Kajian

Nor Salwani Mat Arsad (2020), Impak Pembangunan Pelancongan Kepada Masyarakat Setempat di Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir

<file:///C:/Users/lenovo/Downloads/FULL%20PP%20DOC/File%20PP/16.%20Impak%20Pembangunan%20Pelancongan%20Kepada%20Masyarakat%20Setempat%20di%20Tasik%20Kenyir.pdf>

Norzalita A.Aziz,Ahmad Azmi M.Ariffin & Tan Wie Vien (2009), Kajian Awalan Ke Atas

Potensi Pelancongan Kembaraan Dalam Pasaran Remaja di Malaysia, *Jurnal Pengurusan*, 57-74

<http://journalarticle.ukm.my/1798/1/jp29-04.pdf>

Nurzawani Mohamad Zani (2015), Faktor Penentu Niat Terhadap Perkongsian Maklumat

Mangsa Banjir Rantau Panjang, Kelantan Dari Perspektif Teori Kognitif Sosial, *Universiti Utara Malaysia (unpublished)*.

https://etd.uum.edu.my/5764/2/s813511_01.pdf

Pirasnah Sasidharan, Rahimah Wahid (2021), Mengukur Pembangunan Pelancongan Warisan Berdasarkan Petunjuk Pelancongan Lestari di Melaka Tengah, *Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak, Malaysia*

file:///C:/Users/lenovo/Downloads/FULL%20PP%20DOC/File%20PP/19.%20Mengukur%20Pembangunan%20Pelancongan%20Warisan%20Berdasarkan%20Petunjuk%20Pelancongan%20Lestari%20di%20Melaka%20Tengah%20(2021).pdf

Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. (2022). Geografi Negeri Terengganu.

<https://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/kerajaan/mengenai-terengganu/geografi-negeri-terengganu>

Pusat Pelancongan Malaysia (MATIC). (2022). Kenali Malaysia-Sejarah

<http://www.matic.gov.my/informasi/kenali-malaysia/sejarah>

Prof. Khoo Kay Kim (1982), Warisan Kelantan I, Jabatan Sejarah Universiti Malaya,

United Selangor Press Sdn. Bhd, Kuala Lumpur

Rumah Tradisional Usia Ratusan Tahun Tarikan Di Terengganu. (2022, April 02). Sinar Harian

<https://www.sinarharian.com.my/article/128225/EDISI/Rumah-tradisional-usia-ratusan-tahun-tarikan-di-Terengganu>

Shahrudin Sabri. (2017). Pemuliharaan Bangunan Warisan: Pengenalan Kepada Kayu dan

Batu Bata, *Built Heritage Sdn.Bhd*

<http://gtwhi.com.my/images/HC2017/04%20170812-GTWHI-Timber%20&%20Clay.pdf>

Shuhairy Norhisham (2019), Apakah Metodologi Kajian, Pascasiswazah

<https://www.pascasiswazah.com/apakah-metodologi-kajian>

Siti Nurain Marzuki, Agnes Amoi Anak Sudin, Dorathy Sebi Anak Nelson Atang, Aini Atiqah

Nor Arsat, Nurul Liyana Zainal Abidin, Nurul Fadilah Mohd. Nawi & Er, A.C. (2021). Tarikan Pelancongan Berasaskan Warisan Di Kuala Lumpur. *Journal Of Social Change and Development*, Vol 18, 241-261

<http://journalarticle.ukm.my/16958/1/46780-151102-1-SM.pdf>

Wan Suzita Wan Ibrahim¹, Rosilawati Zainol², Siti Nor Awang³, Kamal Solhaimi Fadzil³,

Juli Edo³. (2015). Pelancongan dan Pembangunan Setempat Di Malaysia: Satu Analisis SWOT Royal Belum Sebagai Produk Ecopelancongan, *Malaysia Journal of Society and Space*, 115-130

<https://core.ac.uk/download/pdf/77967048.pdf>

Wan Suzita Wan Ibrahim¹, Habibah Ahmad², Hamzah Jusoh², Mohd Fuad Mat Jali²,

Mushrifah Idris³. (2016).Pergerakan Pelancongan Dan Kesannya Terhadap Destinasi Pelancongan Wilayah, *Malaysia Journal of Society and Space*, 169-186

<http://journalarticle.ukm.my/11083/1/15656-43721-1-PB.pdf>

Wonh, M.H.¹, Er, A.C.². (2019). Kajian Kepustakaan Indikator Pelancongan Warisan,

Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management, Volume 4, 90-101

<http://www.jthem.com/PDF/JTHEM-2019-13-03-10.pdf>

Zuliskandar Ramli¹, Mazlin Mokhtar², Muhammad Rizal Razman² & Sharifah Zarina Syed

Zakaria². (2015). Pelancongan Berasaskan Warisan Di Malaysia: Potensi Dan Cabaran, *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-8: Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekitaran*,

https://www.researchgate.net/publication/305282391_Pelancongan_berasaskan_warisan_di_Malaysia_potensi_dan_cabaran

Zakaria Yaa'cob,Ahmad Faisol Yusof, Tajul Edrus Nordin (2021), Lukisan Terukur Rumah

Tradisional Melayu, *Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur*



LAMPIRAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

RUJ. KAMI (Our Reference) : UMK.A02.600-4/7/4 JILID 4 (25)
TARIKH (Date) : 4 JULAI 2022

Terrapuri Heritage Village
Kampung Mangkuk
22120 Setiu
Terengganu

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN /
TEMURAMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan/ puan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Nur Qurratu'ain Binti Razi	C19A0555	990106065730	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

BORANG SOAL SELIDIK

Borang soal selidik berkenaan Pelancongan Warisan Di Terrapuri Heritage Village: Tinjauan Terhadap Impak Ekonomi Masyarakat Setempat.

Bahagian A: Data Demografi Responden

Bahagian B: Mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan

Bahagian C: Menganalisis pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu terhadap impak ekonomi komuniti masyarakat setempat.

Bahagian A: Demografi Responden.

Arahan: Sila tandakan (/) mengikut maklumat diri yang dinyatakan di bawah.

Jantina:

Lelaki Perempuan

Umur:

Bawah 20 Tahun 21 - 30 Tahun 31 - 40 Tahun

40 – 50 Tahun Lebih 50 Tahun

Bangsa:

Melayu Cina India

Lain-Lain (Nyatakan) _____

Pekerjaan:

Sektor Awam. Nyatakan: _____

Sektor Swasta. Nyatakan: _____

Kerja Sendiri. Nyatakan: _____

Tidak Bekerja

Pelajar

Lain-Lain (Nyatakan) _____

Bahagian B: Mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan.

Terdapat 10 soalan umum untuk mengenalpasti tahap pengetahuan masyarakat setempat terhadap pelancongan warisan. Sila tandakan (/) pada petak yang telah disediakan.

Bil	Soalan	Ya	Tidak	Tidak Pasti
1	Adakah anda mengetahui kewujudan Terrapuri Heritage Village sebagai pelancongan warisan?			
2	Adakah anda mengetahui sejarah awal penubuhan Terrapuri Heritage Village?			
3	Adakah anda mengetahui pengaruh seni bina di Terrapuri Heritage Village?			
4	Adakah seni bina di Terrapuri Heritage Village berpotensi menarik kedatangan pelancongan?			
5	Adakah Kampung Penarik turut terkenal dengan Pelancongan Warisan?			
6	Adakah pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village ini mempunyai kepentingan kepada anda?			
7	Adakah ragam hias yang terdapat pada bangunan di Terrapuri Heritage Village mampu mengekalkan keaslian dan identiti sesebuah masyarakat?			
8	Adakah dengan menyediakan pusat pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village dapat memulihara seni bina bangunan klasik?			
9	Adakah pelancongan warisan masih sesuai untuk dikomersialkan dengan kepesatan pembangunan kini?			
10	Adakah terdapat penglibatan masyarakat setempat dalam industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village?			

Bahagian C: Menganalisis pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu terhadap impak ekonomi komuniti masyarakat setempat.

Dengan menggunakan skala Likert 5 aras iaitu skala 1 hingga 5, nyatakan impak ekonomi komuniti masyarakat setempat dari segi industri pelancongan warisan. Berikut merupakan nombor mewakili skala iaitu

1 – Sangat Tidak Setuju 2 – Tidak Setuju 3 – Tidak Pasti 4 – Setuju 5 – Sangat Setuju

Bil	Soalan	Skala				
		STP (1)	TS (2)	TP (3)	S (4)	ST (5)
1	Industri Pelancongan Warisan sesuai diwujudkan di Terrapuri Heritage Village, Terengganu.					
2	Pelancongan Warisan telah menyebabkan perubahan taraf hidup masyarakat setempat.					
3	Pembangunan industri pelancongan warisan di Terrapuri Heritage Village menyebabkan kenaikan harga barangan ekoran pembangunan yang kian pesat.					
4	Terdapat peningkatan bilangan usahawan desa di Kampung Penarik.					
5	Pendapatan masyarakat banyak bergantung dalam industri pelancongan warisan.					
6	Berlaku persaingan perniagaan antara penduduk tempatan dan orang luar.					
7	Masyarakat setempat ditawarkan peluang pekerjaan di sekitar pembangunan pelancongan tersebut.					
8	Kampung lain sekitar Kampung Penarik turut menjadi penyumbang kepada peningkatan ekonomi setempat.					
9	Pendapatan masyarakat setempat yang terlibat dengan industri pelancongan telah melepasi garis kemiskinan.					
10	Kemudahan dan perkhidmatan semakin berkembang setelah industri pelancongan diwujudkan.					

TEMUBUAL

Kaedah temubual dipilih sebagai salah satu instrumen untuk mendapatkan maklumat daripada responden secara sah berkenaan dengan objektif pertama iaitu Keistimewaan Terrapuri Heritage Village Sebagai Pelancongan Warisan. Berikut merupakan soalan yang digunakan oleh pengkaji untuk berkomunikasi bersama pihak pengurusan Terrapuri Heritage Village dan masyarakat setempat.

1. Apakah yang Encik / Puan faham dan ketahui tentang Terrapuri Heritage Village?
2. Adakah benar bahawa Terrapuri Heritage Village sesuai dijadikan sebagai pusat pelancongan warisan?
3. Apakah perkara yang menarik yang terdapat di Terrapuri Heritage Village?
4. Bagaimanakah kawasan Terrapuri Heritage Village ini dibangunkan semula menjadi sebuah perkampungan rumah Tradisional?
5. Apakah tindakan yang dilakukan dalam menjaga dan memulihara rumah Tradisional yang terdapat di Terrapuri Heritage Village?

TAMAT

TERIMA KASIH SEGALA PERHATIAN & KERJASAMA YANG DIBERIKAN



Pengkaji melihat batik exclusive yang terdapat di bahagian cenderamata Kedai Terrapuri Heritage Village



Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada penduduk sekitar



Pengkaji melihat bahagian dalaman rumah tradisional untuk mendapatkan maklumat berkenaan motif dan fungsi